KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN TAHUNAN 2018

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

INNOVATION
LED TEACHING

INDUSTRY
READY GRADUATES

TRANSLATIONAL
REASEARCH

WEALTH
CREATION

LAPORAN TAHUNAN 2018

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Diterbitkan oleh:
Universiti Malaysia Perlis • April 2019
www.unimap.edu.my
UniversitiMalaysiaPerlis | universitimalaysiaperlis | @PROUniMAP
UniMAP TV Online | universiti-malaysia-perlis

Kandungan

1.	PROFIL UNIVERSITI	3
	Misi, Visi, Nilai Teras, Matlamat & Falsafah	4
	UniMAP Sepintas Lalu	5
	Canselor	6
	Pro Canselor	8
	Lembaga Pengarah Universiti	10
	Pegawai Utama Universiti	12
	Ahli Senat	14
	Ketua Jabatan	18
	Struktur Organisasi UniMAP	20
2.	PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	22
3.	LAPORAN NAIB CANSELOR	24
	Keterlihatan UniMAP	29
4.	PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA	35
5.	PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	39
6.	HAL EHWAL AKADEMIK	45
7.	KERJASAMA DAN HUBUNGAN LUAR	57
8.	KERJASAMA INDUSTRI DAN AGENSI KERAJAAN	61
9.	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	79
10.	KECEMERLANGAN MAHASISWA DAN PEMERKASAAN ALUMNI	89
11.	PENGANTARABANGSAAN	111
12.	TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP (USR)	123
13.	PERPUSTAKAAN	139
14.	PENERBITAN	145
15.	PRASARANA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	149
16.	PEMBANGUNAN KAMPUS	155
17.	WOW UniMAP	161
18.	LAPORAN KEWANGAN	163

1 • Profil Universiti



PROFIL UNIVERSITI

Misi, Visi, Nilai Teras, Matlamat & Falsafah

Misi

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.

Visi

Institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa.

Nilai Teras

ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN

Matlamat & Falsafah

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang yang dijalankan di universiti pada dasarnya menitikberatkan kepada *lab-intensive* dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang berteknologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.



PROFIL UNIVERSITI

UniMAP Sepintas Lalu

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Institusi Pengajian Tinggi Awam ke-17 ini mula beroperasi di Yayasan Pok Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis dan Naib Canselornya yang pertama telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima tahun bertapak di bumi Perlis, universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007 sebagai sebuah universiti yang bertapak di alaf baru dan beroperasi di beberapa lokasi sementara. UniMAP berbangga dengan kewujudan kampus induknya yang tersergam indah di Pauh Putra serta di Sungai Chuchuh.

Lebih membanggakan lagi apabila kampus induknya di Pauh Putra telah disempurnakan perasmiannya oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 3 Mac 2013 yang lalu. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa kewujudan UniMAP, sebuah universiti berteraskan kejuruteraan di negeri Perlis telah berjaya melonjakkan pembangunan dalam pelbagai aspek di negeri ini dan boleh diibaratkan sebagai nadi pembangunan Negara.

UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarnya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 119 orang dan kini UniMAP telah mempunyai seramai 22,148 orang pelajar iaitu 9,867 orang bagi program Ijazah Sarjana Muda dan 1,177 orang bagi program Diploma manakala seramai 1,582 orang adalah penuntut Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, UniMAP memiliki 1079 orang staf akademik dan 211 orang staf bukan akademik pengurusan dan professional serta 786 orang staf pelaksana.

Pada masa ini, UniMAP menawarkan (6) Program Diploma Kejuruteraan, (21) Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, (14) Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, (2) Program Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, dan (1) Program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu.

Di samping itu, UniMAP turut menawarkan pelbagai program pascasiswazah yang meliputi bidang kejuruteraan, sains sosial dan perniagaan. Terdapat (39) bidang penyelidikan untuk program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains Mod Penyelidikan . Manakala terdapat (6) Program Sarjana Sains Mod Campuran, (2) Program Mod Kerja Kursus iaitu Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik). Selain daripada itu, program pascasiswazah yang unik turut ditawarkan iaitu Doktor Falsafah (Mod Penerbitan) dan Doktor Falsafah (Ph.D Industri).

Pada tahun 2018, UniMAP telah membangunkan Peta Strategi UniMAP 2025. Ia adalah berteraskan pendekatan ''4.0: Perkongsian Memacu Pembangunan'', ia didasari konsep kebersamaan dan perkongsian dengan rakan industri, institusi pengajian tinggi dan pemegang taruh yang lain. Empat aspek yang diketengahkan pengajaran dan pembelajaran, kualiti graduan, penyelidikan, dan penjanaan kewangan.

Bagi pengajaran-pembelajaran, kita mahukan ia berinovatif. Untuk itu tiga komponen diberi perhatian iaitu sistem pendidikan bersepadu, makmal industri dan platform ''telepresence''. Teknologi memainkan peranan utama bagi persekitaran ''Smart Campus'' di mana ''MOOC/Blended Learning'' sedang giat dibangunkan.

Seterusnya, siswazah siaga-industri. UniMAP akan memastikan siswazah mampu menyumbang sebaik saja bergraduat. Untuk itu empat komponen diberi tumpuan, iaitu pemerolehan pekerjaan, peratusan graduan dengan PNGK melebihi 3.00, peratusan TVET yang ditawarkan dan peratus siswazah yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan bergraduat.

UniMAP telah menerima penarafan *QS Stars Ranking* berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh badan penarafan terkenal dunia QS Intelligence Unit. Pencapaian keseluruhan lima (5) bintang merupakan sesuatu yang membanggakan apatah lagi dengan usia UniMAP yang telah melebihi sedekad penubuhannya. Penilaian tersebut dibuat berdasarkan sistem pengajaran, pengantarabangsaan, kekuatan program pengajian, penyelidikan, perspektif kesenian dan kebudayaan, kebolehpasaran graduan serta kemudahan inovasi dan keterangkuman.

Pencapaian UniMAP ini adalah seiring dengan usaha, komitmen, pengalaman dan kenangan suka duka setiap lapisan warganya dalam megharungi cabaran meletakkan UniMAP di kedudukannya kini. Komitmen dan pencapaian akan terus ditingkatkan dan dijadikan amalan bagi membuahkan kecemerlangan kearah memartabatkan keterlihatan UniMAP di persada dunia.





Canselor

DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T.
Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University Melbourne, Australia
Honorary Doctorate in Management Science, Yala Rajabhat University, Thailand

RAJA MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah diputerakan pada tanggal 30 Disember 1967, hasil ikatan kasih sayang antara DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Al- Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis. Baginda merupakan putera sulung bagi pasangan DiRaja itu. Baginda memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia pada tahun 1984 untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School, Kew dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi sehingga tahun 1985.

Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, Baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece. Bermula tahun 1990 hingga 1998, Baginda menjawat pelbagai jawatan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana jawatan terakhir sebagai Pengurus kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mendirikan rumahtangga dengan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri dan seorang putera, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000 pula, Baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000. Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke - 12. Pada tarikh tersebut juga baginda dikurniakan Bintang kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan perlantikkan tersebut, Pada 1 September 2003, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang pertama.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, Baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United. Pada masa kini, Baginda juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigedier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'- Dato' Perlis. Selain itu, Baginda juga telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), sebuah institusi kebajikan yang banyak mengambil berat terhadap kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Sebagai seorang anak Raja yang berjiwa rakyat Baginda amat dikasihi oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis ini.



Pro Canselor

DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL

S.P.M.P.
Honoris Causa in Health Sciences (Universidad Nacional Pedro Henriquez Urena, DR)

RAJA PUAN MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah dilantik sebagai Pro Canselor UniMAP pada 13 Mac 2009. Penyerahan watikah pelantikan Pro Canselor ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor di Istana Arau pada 28 Jun 2009.

Baginda diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1970 dan merupakan puteri kedua daripada empat orang anak perempuan Dato' Haji Khalil Akasah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. Baginda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur mulai tahun 1977 hingga 1984. Baginda seterusnya meneruskan pelajaran di Melbourne, Australia, selama lapan tahun. Ketika di Australia, Baginda mulanya menuntut di Merton Hall - Melbourne Girls Grammar School, dan kemudiannya di La Trobe University yang menganugerahi Baginda Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992.

Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mempunyai pelbagai minat dan bakat. Selain membaca, melukis dan berseni. Baginda meminati sukan luncur ais, jet ski dan berenang. Baginda pernah juga mengikuti kursus asas Bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Sehinga tahun 1995, Baginda memegang jawatan sebagai Pengurus Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd. Tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berangkat menjalankan tugas Baginda di luar negara. Hampir tiga (3) tahun di Madrid, Sepanyol dan empat (4) tahun di Zurich, Switzerland.

Pada 1 Ogos 2002, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dikurniai gelaran rasmi Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diistiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Baginda dikurniakan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei 2002.

Baginda merupakan Penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis, Smart Reader Worldwide di samping menjadi Pengerusi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM) serta dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) dan terkini baginda ditauliahi sebagai Mejar Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah.

Sebagai Pro Canselor, Baginda amat prihatin dalam apa jua yang melibatkan Universiti ini baik dari segi akademik, penyelidikan mahu pun aktiviti pelajar. Baginda sering berangkat mengiringi DYTM Tuanku Canselor ke pelbagai program dan aktiviti rasmi UniMAP.

PROFIL UNIVERSITI

Lembaga Pengarah Universiti







Pengerusi

1. **YBhg. Datuk Profesor Emeritus Ts. Dr. Kamarudin bin Hussin**
   Lembaga Pengarah Universiti

Ahli

2. **YBhg. Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**
   Naib Canselor UniMAP

3. **YBhg. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman**
   Pengurus Besar Kanan
   Jabatan Haji, Lembaga Tabung Haji

4. **YBhg. Dato' Dr. Ir. Annuar Mohd Saffar**
   Ketua Pegawai Eksekutif
   KXP AirportCity Holding

5. **YBrs. Tuan Abdul Rasid Sudin**
   Pengerusi Lembaga Penasihat
   Jabatan Perdana Menteri

6. **YBrs. Encik Mohd Parid Sulaiman**
   Pengarah Kejuruteraan Strategic Program,
   Malaysia Design Center Intel.
   Intel Products (M) Sdn. Bhd

7. **YBrs. Puan Fikriah Hj. Abd Rahman**
   Timbalan Pengarah Belanjawan Negara (Ekonomi)
   Sektor Ekonomi & Industri (E)
   Kementerian Kewangan Malaysia

8. **YBrs. Encik Jamalulail Abu Bakar**
   Setiausaha Bahagian
   Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan

9. **YBrs. Encik Ridzuan Ishak**
   Pengurus Besar
   Pens Industries Sdn. Bhd.

10. **YBhg. Prof. Ir. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid**
    Profesor Gred Khas B
    Universiti Malaysia Perlis

Ahli Ganti

11. **YBrs. Puan Norhazimah Che Hassan**
    Bahagian Penguatkuasaan & Inspektorat
    Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM

Setiausaha

12. **YBrs. Tuan Hj. Zuber Hj. Mohamad**
    Pendaftar UniMAP

PROFIL UNIVERSITI

Pegawai Utama Universiti







1. **Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**
   Naib Canselor UniMAP

2. **Prof. Ir. Ts. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin**
   Timbalan Naib Canselor
   (Akademik & Antarabangsa)

3. **Prof. Dr. Uda Hashim**
   Timbalan Naib Canselor
   (Penyelidikan & Inovasi)
   (*Berkuatkuasa 15/4/2017*)

4. **Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**
   Timbalan Naib Canselor
   (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

5. **En. Zuber Haji Mohamad**
   Pendaftar UniMAP

6. **Pn. Saodah Hassan**
   Bendahari

7. **Pn. Mazmin Mat Akhir**
   Ketua Pustakawan

PROFIL UNIVERSITI

Ahli Senat



Barisan belakang dari kiri: Dr. Salsuwanda Selamat, Prof. Madya Ts Dr. Shafriza Nisha Basah, Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad, Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad, Prof. Madya Dr. Huzili Hussin, Ts. Dr. Mohd Firdaus Omar, Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdulllah, Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail, Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin, Prof. Dr. Zakaria Wahab.

Barisan hadapan dari kiri: Prof. Madya Dr. Vithyacharan a/l Retnasamy, Prof. Dr. Amran Ahmed, Prof. Dr. Salleh Abd Rashid, Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid, Prof. Dato' Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, En. Zuber Haji Mohamad, Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din, Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Prof. Dr. Uda Hashim, Prof. Ir. Ts. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.



Barisan belakang dari kiri: Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar, Prof. Dr. Zaliman Sauli, Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail, Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar, Prof. Madya Razli Ahmad, Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi, Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad, Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail, Prof. Dr. Hazry Desa, Dr. Farizul Hafiz Kasim, Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad.

Barisan hadapan dari kiri: Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pn. Saodah Hassan, Pn. Mazmin Mat Akhir, Prof. Datin Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad, Prof. Madya Dr. Hakimah Osman, Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam, Dr. Sharmini Abdullah, Dr. Haziah Abd. Hamid, Prof. Madya Ts. Dr. Ruslinda A. Rahim, Prof. Dr. Rosni Bakar, Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad.

PROFIL UNIVERSITI

Ahli Senat

Bil.	Nama
1.	**Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal** Naib Canselor / Pengerusi
2.	**Prof. Ir. Ts. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin** Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) / Timbalan Pengerusi
3.	**Prof. Dr. Uda Hashim** Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	**Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan** Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	**Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din** Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan)
6.	**Prof. Dr. Harshita Aini Haroon** Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti) *(Berkuatkuasa 1 Ogos 2018)*
7.	**En. Zuber Haji Mohamad** Pendaftar/ Setiausaha
8.	**Pn. Saodah Hassan** Bendahari
9.	**Pn. Mazmin Mat Akhir** Ketua Pustakawan
10.	**Prof. Dato' Dr. Ali Yeon Md. Shakaff** Pengerusi, Majlis Profesor UniMAP
11.	**Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid** Profesor, Pusat Pengajian Komputer & Perhubungan *(Berkuatkuasa 1 Mac 2018)*
12.	**Prof. Dr. Zaliman Sauli** Dekan, Pusat Pengajian Siswazah *(Sehingga 15 April 2018)*
13.	**Prof. Dr. Hazry Desa** Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
14.	**Prof. Dr. Rosni Bakar** Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pengkormersilan
15.	**Prof. Dr. Salleh Abd Rashid** Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)
16.	**Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam** Pengarah, Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia
17.	**Prof. Datin Dr. Zuraidah Mohd. Zain** Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
18.	**Prof. Dr. Amran Ahmed** Profesor, Institut Matematik Kejuruteraan
19.	**Prof. Dr. Zakaria Wahab** Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan *(Sehingga 13 April 2018)*
20.	**Prof. Dr. Ridzwan bin Abdul Rahman** Profesor, Pusat Pengajian Bioproses
21.	**Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar** Dekan, Pengurusan Akademik
22.	**Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad** Dekan, Pusat Pengajian Siswazah *(Berkuatkuasa 16 April 2018)*

Bil.	Nama
23.	**Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail** Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi *(Berkuatkuasa 1 Mac 2018)*
24.	**Prof. Madya Razli Ahmad** Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
25.	**Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
26.	**Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan
27.	**Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan *(Sehingga 28 Februari 2018)*
28.	**Ts. Dr. Mohd Firdaus Omar** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan *(Berkuatkuasa 1 Mac 2018)*
29.	**Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdulllah** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
30.	**Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan *(Berkuatkuasa 1 Mac 2018)*
31.	**Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses *(Sehingga 28 Februari 2018)*
32.	**Dr. Farizul Hafiz Kasim** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses *(Berkuatkuasa 1 Mac 2018)*
33.	**Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin** Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
34.	**Prof. Madya Dr. Huzili Hussin** Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
35.	**Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad** Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan
36.	**Prof. Madya Dr. Hakimah Osman** Dekan, Pusat Pengajian Diploma
37.	**Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail** Pengarah, Pusat Kokurikulum
38.	**Prof. Madya Dr. Vithyacharan a/l Retnasamy** Pengarah, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan *(Sehingga 28 Februari 2018)*
39.	**Prof. Madya Ts Dr. Shafriza Nisha Basah** Pengarah, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan *(Berkuatkuasa 1 Mac 2018)*
40.	**Prof. Madya Ts. Dr. Ruslinda A. Rahim** Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
41.	**Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar** Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
42.	**Dr. Haziah Abd. Hamid** Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
43.	**Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad** Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan
44.	**Dr. Sharmini Abdullah** Pengarah, Pusat Bahasa Antarabangsa *(Berkuatkuasa 1 Ogos 2018)*
45.	**Dr. Salsuwanda Selamat** Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa *(Berkuatkuasa 1 Mac 2018)*

PROFIL UNIVERSITI

Ketua Jabatan

Bil.	Nama	Ketua Jabatan
1.	Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal	Naib Canselor
2.	Prof. Ir. Ts. Dr. Rezuwan Kamaruddin	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3.	Prof. Dr. Uda Hashim	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	En. Zuber Hj. Mohamad	Pendaftar
6.	Pn. Saodah Hassan	Bendahari
7.	Pn. Mazmin Mat Akhir	Ketua Pustakawan
8.	Prof. Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din	Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan)
9.	Pro. Dr. Harshita Aini Haroon	Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti)
10.	Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail	Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi
11.	Prof. Madya Razli Ahmad	Dekan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
12.	Prof.Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar	Dekan, Jabatan Canselori Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Bahagian Pengurusan Akademik
13.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
14.	Prof. Madya Ir. Dr. Rizalafande Che Ismail	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
15.	Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan
16.	Dr. Haziah Abdul Hamid	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
17.	Dr. Mohd Firdaus Omar	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
18.	Prof. Madya Ir. Dr. Abu Hassan Abdullah	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
19.	Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
20.	Dr. Farizul Hafiz Kasim	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
21.	Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
22.	Prof. Dr. Hazry Desa	Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
23.	Dr. Tunku Salha Tunku Tunku Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan
24.	Prof. Madya Dr. Huzili Hussin	Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
25.	Prof. Madya Dr. Hakimah Osman	Dekan, Pusat Pengajian Diploma
26.	Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad	Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan
27.	Dr. Sharmini Abdullah	Pengarah, Pusat Bahasa Antarabangsa
28.	Prof. Madya Dr. Shafriza Nisha Basah	Pengarah, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan
29.	Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail	Pengarah, Pusat Ko-Kurikulum
30.	Prof. Dr. Rosni Bakar	Pengarah, Pusat Pengkomersilan Harta Intelek

Bil.	Nama	Ketua Jabatan
31.	Dr. Salsuwanda Selamat	Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
32.	Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah	Pengarah, Pusat Islam
33.	Prof. Dr. Ye Htut@Mohammad Iqbal Omar	Pengarah, Pusat Kesihatan
34.	Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam	Pengarah, Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti
35.	En. Mohd Izwan Izhar Haris	Pengarah, Unit Kebudayaan dan Rekreasi
36.	Cik Hasbalaila Alias	Pengarah, Unit Audit Dalam
37.	Dr. Mohamad Ezral Baharudin	Pengarah, Unit Multimedia
38.	Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar	Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
39.	Prof. Dr. Salleh Abd Rashid	Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari
40.	Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
41.	Dr. Irnis Azura Zakarya	Pengarah, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
42.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	Pengarah, Pusat Penerbitan Unimap
43.	Hj. Suhizaz Sudin	Pengarah, Pusat Sukan
44.	Prof. Madya Ir. Abdul Ghapar Ahmad	Pengarah, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta
45.	En. Nasrudin Abd. Shukor	Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
46.	Dato' Zull Aznam Haron	Pengarah, Jabatan Keselamatan
47.	En. Mustaffa Ismail	Pengarah, Unit Komunikasi Korporat
48.	Dr. Hirwan Jasbir Jaafar	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
49.	Dr. Sanna Taking	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
50.	Dr. Wong Yee Shian	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
51.	Puan Kartini Hj. Alir	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
52.	En. Syed Akhmal Syed Jamalil	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman

PROFIL UNIVERSITI

Struktur Organisasi



2 • Perutusan
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

3 • Laporan
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI & NAIB CANSELOR





Perutusan
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Assalamualaikum dan Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah Azza wa Jalla Pemerintah sarwa jagat. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada semua pengurusan dan jawatankuasa pelaksana yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan UniMAP Bagi Tahun 2018 ini.

Adalah sangat bermakna jika kita bersama-sama menentukan apakah yang perlu kita laksana secara bersama-sama demi menjamin masa depan UniMAP yang lebih terbilang. Saya percaya telah banyak yang dilakukan oleh mantan-mantan Pengerusi LPU dan pasukannya dengan kerjasama erat oleh Naib Canselor dan anggota pasukan pengurusan utama UniMAP sebelum ini. Namun, dengan tertakdirnya kehadiran saya pula di universiti ini sebagai Pengerusi LPU, saya yakin kita akan dapat melaksana pelbagai inisiatif yang lebih progresif untuk meneruskan kecemerlangan yang ditempa sebelum ini dengan jiwa dan hati yang ikhlas.

> “Ikhlas menolong tak harap sanjung
> Ikhlas berbudi tak harap puji
> Ikhlas berkorban tak harap imbalan
> Ikhlas bekerja tak harap upah
> Ikhlas memberi tak harap ganti
> Ikhlas memerintah tak harap sembah”

Telah hampir 17 tahun kita berusaha membangunkan dan menggilap potensi UniMAP secara bersama-sama. Sejak itu kita telah melalui pelbagai cabaran dan dalam masa yang sama menempa pelbagai pencapaian dan kejayaan. Setiap detik perkembangannya mengundang naluri keprihatinan saya untuk mengikutinya dari dekat dan teliti. Saya yakin naluri saudara-saudara demikian juga halnya. Oleh sebab itu, marilah kita sekali lagi berganding bahu memikul amanah dan tanggungjawab menjulang nama universiti ke tahap yang lebih tinggi.

Laksanalah tugas dan tanggungjawab masing-masing seperti melaksana ibadah solat yang memerlukan kita melaksana rukun Qalbi atau rukun ke atas pekerjaan hati, rukun Fi'il (rukun ke atas perbuatan atau gerak kerja), dan rukun Qauli (rukun ke atas kata-kata yang diucapkan). Semuanya perlu dilaksana dengan cermat, tepat, berhemah dan tertib. Selanjutnya, untuk melaksana pelan tindakan dan mencapai KPI yang telah ditetapkan, minda dan tindakan kita perlu difokuskan untuk mencapainya. Dalam konteks inilah ilmu dan keikhlasan semua pihak didambakan untuk mencapai kecemerlangan

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, saya mengambil kesempatan disini untuk menjunjung kasih kepada DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP yang telah memainkan peranan besar dalam menyemarakkan lagi program budaya ilmu dan kesarjanaan di UniMAP. Nasihat dan dorongan yang diberikan adalah amat bermakna buat seluruh warga UniMAP. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada DYTM Pro-Canselor, YB Menteri Pendidikan Malaysia, Naib Canselor, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat Universiti, pegawai-pegawai kanan, staf dan mahasiswa yang telah bersama-sama menyumbang tenaga, idea dan masa bagi memastikan UniMAP sentiasa berada di kemuncak kejayaan samada pada peringkat Nasional mahupun di peringkat Antarabangsa. Usaha kalian yang tidak pernah mengenal erti penat dan lelah sudah pastinya akan dapat menjulang nama UniMAP sebagai Universiti yg tersenarai dalam *World QS ranking* yang terbaik di dunia.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua staf UniMAP demi mencapai misi dan visi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



Datuk Profesor Emeritus Ts. Dr. Kamarudin bin Hussin, FASc
Pengerusi Lembaga Pengarah



Laporan
NAIB CANSELOR

Alhamdulillah, tahun 2018 kita akhiri dengan berita baik pencapaian UniMAP berdasarkan pengukuran antarabangsa QS. Pertama sekali, UniMAP telah berjaya memperoleh penarafan 5 bintang dalam Sistem Penarafan QS, suatu peningkatan daripada 3 bintang yang kita perolehi pada tahun 2016. UniMAP telah diberi 5 bintang masing-masing untuk pembelajaran-pengajaran, kebolehpasaran siswazah, kemudahan, dan keterangkuman. 4 bintang pula diberi kepada kriteria pengantarabangsaan dan kekuatan bidang pengajian, manakala 3 bintang diperolehi dalam penyelidikan dan sastera dan kebudayaan. Tahniah saya ucapkan kepada semua warga yang telah sama-sama berusaha mendapatkan kecemerlangan ini.

Pada masa yang sama, UniMAP juga telah berjaya melompat 20 anak tangga dalam QS Asian University Rankings 2019, meletakkan universiti pada tangga 201 universiti terbaik Asia.

Bagi disiplin Kejuruteraan dan Teknologi pula, UniMAP diiktiraf sebagai 450 universiti terbaik di dunia, di mana kita telah mendapat skor yang tinggi bagi 17 subjek utama dalam disiplin ini. Pada hemat saya, dengan kedudukan sebegitu, hasrat UniMAP untuk berada pada tahap top 500 dunia sudah tercapai. Tahniah semua!

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua Ketua Jabatan dan warga UniMAP yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan pencapaian UniMAP yang membanggakan. Perkara yang perlu kita kejar sekarang ialah kecemerlangan. Kita tiada pilihan kecuali untuk cemerlang sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang diamanahkan untuk menghasilkan insan kamil bagi memenuhi agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Apabila kecemerlangan yang kita kejar, taraf mahu pun kedudukan yang tinggi akan datang dengan sendiri, InsyaAllah.

Untuk melihat pencapaian UniMAP bagi 2018, saya akan menjelaskan dahulu prestasi KPI Headlines, iaitu KPI yang ditetapkan oleh KPM bagi UniMAP, diikuti pencapaian bagi tahun pertama Fasa 1 Pelan UniMAP2025.

Bagi KPI Headlines, tujuh (7) KPI utama dan sasaran telah ditetapkan untuk semua universiti awam. Bagi KPI kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen, kita telah mencapai 81% berbanding sasaran 80% yang ditetapkan. Alhamdulillah.

Bagi nisbah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik, kita mencapai 1.5, berbanding sasaran 1.3 yang ditetapkan, dengan jumlah penerbitan sebanyak 1,411. Sementara itu, nisbah kumulatif sitasi per staf akademik ialah 20.9 berbanding sasaran 11.

Bagi penjanaan pendapatan, UniMAP telah berjaya menjana 17.94% daripada jumlah perbelanjaan mengurus, berbanding 15% yang telah ditetapkan. Wang yang dijana sendiri ini memberi ruang yang lebih luas untuk pelaksanaan aktiviti yang memanfaatkan universiti. Saya kagum akan hal ini kerana ia menunjukkan kesungguhan kita untuk sama-sama menyumbang kepada universiti.

Tahun 2018 menyaksikan UniMAP sedikit terkebelakang dalam aspek bilangan pelajar antarabangsa. 903 orang pelajar berada dalam enrolmen UniMAP, berbanding 1100 yang ditetapkan, dan daripada bilangan keseluruhan tersebut, hanya 400 orang pelajar pascasiswazah, berbanding 410 yang disasarkan. Kita perlu melihat kembali secara serius punca kemerosotan ini, selain mengukuhkan usaha-usaha promosi pada peringkat antarabangsa.

Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti melepasi sasaran yang ditetapkan, iaitu 86% pada pengajian peringkat sarjana muda. Walau bagaimanapun, trend yang sama seperti tahun lepas dapat dilihat untuk pengajian peringkat sarjana, iaitu hanya 29.5% berbanding sasaran 50%; dan hanya 29.2% pada pengajian peringkat PhD, berbanding sasaran 40%. Punca kepada kekurangan ini perlu diselidiki dan diuruskan dengan bijak supaya peningkatan dapat dilihat pada tahun- tahun akan datang. Faktor ini penting kerana ia adalah salah satu 'selling-point' untuk menarik lebih ramai pelajar mendaftar untuk pengajian pasca-siswazah.

KPM juga telah menetapkan kadar keciciran kurang daripada 7% bagi pengajian sarjana muda, dan masing-masing kurang daripada 19% bagi pengajian peringkat sarjana dan PhD. Alhamdulillah, UniMAP melepasi semua kadar ini dengan cemerlang, iaitu hanya 3.1% dan 1.9% masing-masing bagi peringkat sarjana muda dan sarjana, malahan 0% pada peringkat PhD. Dari segi pembangunan bakat, kita melihat peningkatan dalam pelajar PhD bergraduat, iaitu sebanyak 42%.

Untuk makluman semua, dalam amanat YBM baru-baru ini, kita telah dimaklumkan bahawa berlandaskan prinsip autonomi, mulai tahun ini universiti akan menetapkan KPI masing-masing. Dalam hal ini, kita akan masih memantau pencapaian universiti dalam aspek-aspek teras seperti mana dalam KPI Headlines yang telah saya perincikan sekejap tadi.

Selain pencapaian bagi KPI Headlines, kita juga bergerak atas landasan Pelan UniMAP 2025. Saudara-saudari boleh melihat dan meneliti sendiri pencapaian KPI UniMAP 2025 bagi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2018 melalui pautan URL yang akan dihebahkan di skrin selepas majlis ini. Perkara yang ingin saya kongsikan sekarang melangkaui statistik dalam jadual tersebut, iaitu beberapa Big Wins bagi 2018. Saya akan perjelaskan pencapaian utama setiap satu kluster dalam Pelan UniMAP 2025.

Bagi kluster Pengajaran Berpaksikan Inovasi, tahun 2018 menyaksikan penjenamaan semula beberapa program melalui penggabungan dan penjumudan program, yang dicetuskan oleh keperluan untuk UniMAP kekal relevan kepada industri masa kini. Alhamdulillah tindakan ini telah menyaksikan penerimaan yang baik dalam kalangan umum – terdapat peningkatan jumlah kemasukan bagi program-program pengajian yang terlibat dalam penjenamaan semula tersebut.

Keutuhan program pengajian UniMAP terbukti apabila 16 program telah diakreditasikan, di mana 3 program iaitu program Kejuruteraan Rangkaian Komputer, Kejuruteraan Perhubungan dan Kejuruteraan Rekabentuk Produk berjaya mendapat akreditasi selama 6 tahun. Sementara itu, 12 program telah pun menjalani proses akreditasi dan InsyaAllah semua program tersebut dijangka mendapat akreditasi selama 6 tahun juga. Tahniah kepada semua Dekan dan Ketua Jabatan serta pasukan masing-masing, yang berusaha bersungguh-sungguh sehingga kejayaan ini dicapai.

Keyakinan industri terhadap UniMAP ketara melalui sumbangan peralatan dan teknologi untuk tujuan pembelajaran. Antaranya ialah sumbangan kewangan tahunan bernilai RM6000 untuk aktiviti Integrated Design Project dan juga Final Year Project daripada Funfiek Technology Sdn. Bhd kepada PPK Pembuatan serta pengwujudan makmal industri Center of Competence Green Design Manufacture, sumbangan switch gear daripada Toray di PPK Sistem Elektrik, dua buah mesin Laser daripada Osram kepada PPK Mikroelektronik, solidification solder test equipment daripada Nihon Superior kepada PPK Bahan, Maker's Space daripada MCMC untuk PPK Komputer, dan banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan semuanya di sini. Kita juga berjaya meningkatkan kerjasama dengan industri tempatan pada tahun 2018 dengan memeterai 23 MOA, di mana 10 daripadanya ialah dalam kalangan MNC.

Keyakinan terhadap UniMAP daripada pihak kerajaan juga tidak kurang hebatnya. PPK Mikroelektronik telah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Tinggi untuk mengetuai projek EDA Tools Floating License. Perisian VLSI Design (Cadence, Synopsys, Mentor Graphics) yang memenuhi piawaian industri ditempatkan secara berpusat di UniMAP untuk digunapakai dengan 16 universiti awam yang lain. UniMAP menerima RM1.2 juta daripada MIMOS untuk pembiayaan projek ini, yang juga termasuk dana khas daripada KPM sebanyak RM150,000. Projek ini juga mendapat sokongan pihak MIDA dan CREST, dalam usaha meningkatkan bilangan graduan yang mempunyai kemahiran VLSI Design untuk menampung keperluan industri negara.

Salah satu usaha inovasi dalam pengajaran-pembelajaran ialah perluasan akses pengajian tinggi kepada mereka yang sedang bekerja melalui penawaran program yang dilaksanakan secara fleksibel. Kita telah memulakan penawaran dua program secara flexi-time iaitu program Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Elektronik. Kedua-dua program kerjasama dengan MARA tersebut yang dijalankan di Kampus Pauh dan Anjung Kulim telah bermula pada September 2018 melibatkan 66 orang pelajar. Kerjasama program akademik lain dengan pihak luar termasuklah dengan PSDC, REGENT, SPECTRUM, JMTI, Kolej FELCRA.

Inovasi pengajaran-pembelajaran berasaskan teknologi telah digiatkan melalui penawaran 756 kursus secara blended dan 11 kursus secara MOOC. Kursus TITAS dan Hubungan Etnik, sementara itu, menggunakan MOOC sepenuhnya. Kita juga telah mewujudkan Ruang Pembelajaran Interaktif di PPK Mikroelektronik dan PPK Pembuatan bagi menjayakan lagi konsep pembelajaran seperti ini. Kita berharap kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran-pembelajaran akan memantapkan kualiti program UniMAP.

UniMAP juga telah terpilih untuk dinilai sebagai Universiti yang mempunyai taraf swa-akreditasi oleh MQA. Setakat ini universiti yang mendapat taraf swa-akreditasi adalah Universiti Penyelidikan serta UUM, IIUM dan UiTM.

Bagi kluster Penyelidikan Translasional pula, UniMAP telah berjaya meningkatkan penjanaan pendapatan melalui penubuhan tiga syarikat start-up. Kejayaan dalam kluster ini juga melibatkan kerjasama dengan

industri melalui penerimaan peralatan penyelidikan melebihi nilai RM3juta. Antara penyumbangnya ialah Walta Engineering yang melebihi RM1 juta. Selain itu, pengiktirafan antarabangsa dalam aspek ini dapat dilihat melalui pemerolehan geran penyelidikan di mana penyelidik UniMAP telah mendapat geran berjumlah melebihi RM800,000 daripada Newton Institutional Links Grants.

Tahun 2018 mencatat sejarah sebagai tahun pertama keseluruhan proses pilihan raya kampus dikendalikan oleh para pelajar sendiri. Tahniah saya ucapkan kepada pasukan petugas pelajar. Saya harap ini adalah satu permulaan kepada pelbagai aktiviti lain yang akan digalas tanggungjawab sepenuhnya oleh pelajar, dalam usaha mematangkan pelajar melalui pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar.

Pelbagai aktiviti dan inisiatif telah dilaksanakan untuk memastikan pelajar mempunyai ilmu yang mantap dalam bidang dan kemahiran insaniah yang memainkan peranan penting dalam alam pekerjaan. Peluang terlibat dalam bidang keusahawanan juga didedahkan. Antaranya ialah program Gig Economy @ UniMAP2018. Seramai 637 orang pelajar tahun 1 dan 2 telah mengambil bahagian dalam program ini. Satu laman web dan aplikasi maya HireMe telah dibangunkan, sebagai pelantar rasmi pelajar untuk aktiviti "freelancing" mereka.

Seramai 1300 orang pelajar terlibat dalam aktiviti sukarelawan di dalam dan luar Negara pada tahun 2018, satu peningkatan dari tahun-tahun sebelum ini. Adalah diharapkan bilangan penyertaan akan terus meningkat, terutama mengambil kira nilai tambah yang diperolehi melalui aktiviti kemanusiaan seperti ini.

Selain itu, pendedahan kepada aspek rentas-budaya memberi peluang kepada pelajar melihat dunia daripada perspektif baharu, sekaligus memperluaskan jaringan professional dan peribadi mereka yang amat berguna apabila mereka berada dalam dunia pekerjaan kelak. 2018 telah melihat peningkatan bilangan pelajar yang terlibat dalam program mobiliti - Lapan (8) program mobiliti inbound melibatkan 69 orang pelajar universiti luar negara, sementara 18 program mobiliti outbound diikuti oleh 111 pelajar UniMAP ke program-program yang dianjurkan oleh universiti luar negara.

Keterlihatan UniMAP juga menonjol di mana seramai 242 orang pelajar kita telah memenangi pelbagai anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti dalam bidang Inovasi seramai 136 orang, sukan seramai 62 orang dan kebudayaan seramai 44 orang. Pencapaian mereka ini amatlah membanggakan dan telah mengharumkan nama UniMAP.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif dan aktiviti ke arah kecemerlangan universiti sememangnya bergantung kepada sumber kewangan, sama ada yang disalurkan dari pihak berwajib mahupun yang dijana sendiri oleh universiti. Penciptaan kekayaan ialah salah satu daripada kluster Pelan UniMAP 2025. Kita perlu jelas bahawa usaha ke arah ini bukan bertujuan untuk menjadikan kita kaya sebab kita mahu kaya, tetapi atas pemahaman bahawa wang yang dijana akan boleh digunakan untuk memperkasakan universiti dalam pelbagai aspek kecemerlangan pengajian tinggi.

Saya kira pemahaman ini jelas memandangkan tahun 2018 telah melihat semua PTj sama-sama bertungkus-lumus menjalankan aktiviti untuk menjana kewangan melalui fasilitasi One Stop Centre (OSC), yang keseluruhannya berjumlah hampir RM1.9 juta.

Sementara itu, melalui wakaf dan endowmen, kita telah berjaya mendapatkan sejumlah sekitar RM1.7 juta, termasuk wakaf tunai, wakaf untuk mesin penapis air, dan wakaf untuk pembangunan masjid dan kompleks Pusat Islam; sementara tabung endowmen yang berkenaan ialah Tabung endowmen Trust Fund BSN, dan Tabung Endowmen Keusahawanan Pelajar. UniMAP juga telah menerima hadiah universiti bernilai RM3.3 juta, dan dana keusahawanan untuk Program Keusahawanan Pelajar sejumlah RM212 ribu.

Selain sumber kewangan, pengupayaan pembangunan universiti juga melibatkan sumber manusia. Bagi staf akademik, selaras dengan keperluan semasa, pembangunan kerjaya berlangsung dengan giatnya melalui program mobiliti, persidangan, latihan pemantapan pengajaran, kolaborasi penyelidikan dan sebagainya. Juga selaras dengan keperluan badan akreditasi, UniMAP telah berjaya meningkatkan bilangan staf yang berstatus professional (PEng, CEng, TS dll) sebanyak 20% iaitu melibatkan 179 staf berstatus professional.

Bagi staf bukan-akademik pula, data berkaitan kompetensi staf juga telah dikumpulkan, dan sehubungan itu, set kompetensi telah dibangunkan berdasarkan keperluan universiti dan padanan dengan tugas hakiki. Juga telah dikenal pasti ialah bidang kritikal (iaitu berdasarkan keperluan universiti) untuk tujuan program sangkutan.

Dalam usaha pemantapan infrastruktur, Alhamdulillah, tiga buah projek besar UniMAP telah berjaya disiapkan pada 2018 dengan kos keseluruhan berjumlah RM21juta, iaitu Projek Reservoir 1.5MGD pada Mac 2018, projek Bangunan HEPA pada September 2018, dan projek Bangunan ICT pada Disember 2018. Penyiapan ketiga-tiga projek ini, InsyaAllah, akan menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan di UniMAP.

Penjimatan sumber tenaga telah menjadi salah satu pencapaian ketara pada tahun 2018, melibatkan hampir RM560 ribu. Penjimatan tersebut,

antara lain, ialah daripada pelaksanaan projek Solar melibatkan 1,300,000 KWh, pertukaran lampu konvensional kepada lampu jimat tenaga jenis LED, diskaun daripada TNB Tariff C1 OPTR, pelarasan operasi start up chiller, penyelenggaraan berkala bagi pendingin hawa sepusat, dan operasi pendingin hawa yang diselaraskan.

Aspek lestari mula mendapat perhatian yang lebih pada tahun 2018, dan agenda ini akan terus digiatkan pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang. Garis panduan kampus lestari telahpun dikeluarkan, dan beberapa pelaksanaan utama telahpun berkuatkuasa seperti pengharaman polisterin dan penyedut minuman plastik. Aktiviti pengumpulan sisa elektronik (e-waste) sudah mula dijalankan dengan penyiapan lokasi e-waste. Dalam hal ini terutamanya, saya mohon supaya dalam menjalani kehidupan seharian, kita saling ingat-mengingati akan Ayat 60 dari Surah al-Baqarah:

"Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi".

Infostruktur memainkan peranan yang amat penting dalam agenda IR4.0, memandangkan ia berkait rapat dengan segala proses teras universiti mahupun proses sokongan. Seiring dengan kepentingan tersebut, UniMAP sentiasa berusaha untuk meningkatkan keupayaan keterhubungan (connectivity) internet supaya capaian kepada pangkalan data dan jaringan profesionalisme dapat diakses. Untuk tujuan itu, 2018 telah menyaksikan pelaksanaan 3Gbps Internet di Kampus Pauh dan 1Gbps di kampus Uniciti. InsyaAllah, kita akan terus mengusahakan peningkatan infostruktur walaupun hal ini bukanlah sesuatu yang mudah.

Tiada perancangan yang tiada cabaran. Tetapi kita perlu positif. Lihat cabaran itu sebagai sesuatu yang menyeronokkan tugas kita seharian dan yang membantu kita meneroka potensi diri dan organisasi. Cabaran utama UniMAP adalah cabaran kewangan. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita akan terus melaksanakan inisiatif penjanaan kewangan, usaha penjimatan dan memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah tanpa ada kompromi kepada kualiti program dan perkhidmatan yang diberikan. Tahun ini UniMAP diperuntukkan belanja mengurus sebanyak RM231.3 juta. Untuk projek-projek khas pelaksanaan UniMAP 2025, kita memperuntukkan RM1.5 juta, dan semua ketua kluster telah dimaklumkan akan perincian bajet masing-masing. Saya berharap semua kluster akan bergerak seiringan untuk mencapai objektif Pelan tersebut.

Cabaran seterusnya ialah keterbukaan kepada perubahan, dan keperluan untuk berubah. Dalam hal ini, pertimbangan paling utama ialah tujuan penubuhan UniMAP itu sendiri. UniMAP ditubuhkan untuk memenuhi keperluan Pelan Induk Pembangunan Negara melalui penghasilan tenaga kerja dalam bidang tujahan kita. Kita perlu bersedia untuk melakukan perubahan selari dengan perubahan persekitaran, demi memenuhi tujuan tersebut. Sebagai sebuah universiti awam juga, kita tertakluk kepada apa sahaja perubahan dasar kerajaan. Justeru, kita tidak boleh selesa terutama dalam keadaan ekonomi negara dan global masa kini.

Ketiga, adalah keperluan untuk kita semua bergerak ke arah hasrat UniMAP 2025 - "Pembangunan untuk semua" - untuk universiti, untuk industri, untuk komuniti dan untuk kerajaan. Sesungguhnya, dalam memastikan universiti melaksanakan tanggungjawab utamanya dalam pembangunan bakat negara, kita juga harus memastikan bahawa empat komponen utama ini dihubung jalinkan melalui inisiatif dan program-program yang dilaksanakan. Kita perlu bersama-sama dengan semua pihak yang saya sebutkan supaya UniMAP bukan sahaja kekal relevan, tetapi menjadi salah satu tonggak pembangunan sosio-ekonomi Perlis khususnya, dan negara amnya.

Tanggungjawab Sosial UniMAP *(UniMAP Social Responsibility, USR)* memupuk minat warga UniMAP dalam aktiviti kesukarelawanan bagi mewujudkan budaya prihatin dan keakraban UniMAP bukan sahaja dengan penduduk setempat malah antarabangsa tanpa mengira usia dan status. Penganjuran beberapa program dan aktiviti di peringkat nasional iaitu di sekitar negeri Perlis dan beberapa negeri di Malaysia serta di peringkat antarabangsa bagi tahun 2018 meningkatkan imej dan reputasi UniMAP untuk sentiasa relevan dan keterlihatan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak lebih 103 program komuniti khidmat masyarakat bertemakan sosial, pendidikan, kesihatan, alam sekitar dan bantuan kemanusiaan telah dianjurkan. Manakala 17 projek penyelidikan translasional dengan tema sosial, pendidikan, alam sekitar dan ekonomi pula telah dijalankan yang memberi manfaat kepada komuniti sejagat.

Program Tanggungjawab Sosial POTENSI UniMAP (USR) Bertemakan "Nature with Kindness"



Hampir 30 ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (POTENSI) UniMAP yang telah mengadakan lawatan ke rumah Rumah Seri Kenangan Taiping pada 1 Disember 2018 yang lalu. POTENSI menerusi program USR bertemakan "Nature with Kindness" telah menceriakan warga Rumah Seri Kenangan menerusi sesi karaoke, teka lagu P.Ramlee dan sambutan hari lahir. Bersempena program itu, POTENSI turut menghulurkan sumbangan berupa tilam dan bantal selain wang tunai bagi mengubat kerinduan mereka terhadap keluarga. Selain menyantuni Rumah Seri Kenangan, POTENSI turut mengadakan USR di Zoo Taiping iaitu membersihkan kawasan zoo berkenaan di samping mendekati flora dan fauna. Di samping itu, POTENSI mengambil peluang mendaki Bukit Larut yang mempunyai ketinggian 1,036 meter dari paras laut sekaligus memberi pengalaman baharu bagi mereka yang pertama kali mendaki bukit rekreasi yang menjadi tumpuan pelancong itu.

UniMAP dan Masyarakat Perlis berpisah tiada - Misi "Sekolah untuk Semua" Perlis 2018

Piskanita UniMAP dengan kerjasama 3rd Force Perlis, satu badan Bantuan Kemanusiaan Awam Terbesar Di Malaysia sekali lagi telah mengadakan Misi "Sekolah untuk semua" bagi semua pelajar-pelajar kurang berkemampuan di seluruh negeri Perlis menjelang sesi persekolahan 2019. Bantuan tersebut membabitkan seramai 55 pelajar sekolah rendah dan menengah daripada 22 buah keluarga yang mana kesemua mereka telah dibawa untuk membeli pelbagai kelengkapan sekolah di sekitar Kangar. Setiap pelajar diberikan peruntukan untuk membeli sepersalinan unifom sekolah, kasut, stokin, tudung dan seluar sukan. Suasana sekitar proses membeli-belah tadi amat meriah dan teruja, dengan keseronokan anak-anak mendapat pakaian sekolah baharu. Seramai 13 sukarelawan PISKANITA tampil memberikan bantuan semasa sesi membeli-belah yang berlangsung selama dua hari. Selain bantuan kepada asnaf sekitar Perlis, PISKANITA UniMAP buat julung kalinya juga turut membantu 29 anak-anak staf UniMAP. Sebanyak RM8,273.85 telah dikumpul daripada tabung PISKANITA dan para penyumbang.



Program KITA. RECYCLE UniMAP 2018

Program KITA.RECYCLE merupakan program kolaboratif dengan pelbagai agensi bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan. Berkonsepkan perkongsian sumber, program ini telah melibatkan persatuan alumni sekolah Mahaad Ahmadi, disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi dan perlaksanaan projek dijalankan oleh peserta dan pensyarah daripada Universiti Malaysia Perlis telah berlangsung sewaktu cuti semester

universiti daripada 13 hingga 19 Oktober 2018 di Sekolah agama Maahad Ahmadi, Tanah Merah Kelantan. Kumpulan pasukan peserta pelajar UniMAP ini dianggotai seramai 44 orang pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ialah mengecat dan melukis mural di dinding tandas dan dinding kantin sekolah, mengemas dan membina rak kayu di stor serta mengecat dan memasang pintu di tandas lelaki. Projek ini dijangka akan diperluaskan dan diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang semasa cuti semester mahasiswa/ mahasiswi universiti.





Program Kembara Kemboja Khidmat Masyarakat dan Pendidikan



Pada 2-5 APRIL 2018 yang lalu, satu Program Kembara Kemboja Khidmat Masyarakat dan Pendidikan telah diadakan melibatkan program baktisiswa di Kampung Po' Tian dan lawatan ke Kedutaan Besar Malaysia di Kemboja. Selain itu, program ini mewujudkan kerjasama pendidikan dan penyelidikan dengan pihak National Technical Training Institute (NTTI) di Kemboja. Delegasi UniMAP juga berpeluang untuk mempromosikan program pascasiswazah peringkat Sarjana dan PhD kepada para pelajar di NTTI. Lawatan ini telah membuka kerjasama dua hala dan memberikan impak kepada institusi masing-masing sambil bertukar ilmu pengetahuan dan kepakaran.

Program JEJAK BAKTI (JAKTI) 1.0

Pada 4 April 2018 yang lalu satu Pogram Jejak Bakti (JAKTI) 1.0 telah dianjurkan oleh Kelab Gyrosociety PPK Pembuatan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP, Kelab Kelana Knight Rovers "K" Kubang Pasu dan Majlis Pengakap Kelana Daerah Kuala Muda. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara peserta dan mendekati Anak-anak Yatim & Miskin Baitul Ehsan di daerah Kubang Pasu serta memberikan sumbangan almari kepada mereka.



Kelas Bahasa Inggeris Penghargaan Buat Tentera

UniMAP, melalui Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) telah menganjurkan Kursus Bahasa Inggeris kepada pasukan keselamatan Malaysia pada 19 Oktober yang lalu di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra. Kelas yang berlangsung selama lima hari itu disertai seramai 50 anggota tentera daripada pelbagai peringkat campuran Askar Infantri dan Bantuan Khidmat kawasan utara bermula 15 hingga 19 Oktober di Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra yang melibatkan lapan staf CIL termasuk seorang staf antarabangsa. Sesi pembelajaran memberi tumpuan kepada kemahiran pertuturan, pendengaran dan kerja berkumpulan, supaya dapat membantu pegawai tentera melaksanakan misi dengan lebih efisyen dan efektif. Program kerjasama dua hala antara UniMAP dan tentera ini merupakan kali kedua diadakan selepas program yang julung kali diadakan pada Jun tahun lalu. Ini merupakan satu pengalaman baharu tentera untuk belajar bersama pensyarah universiti sebagai persediaan untuk latihan bersama

anggota tentera luar seperti Australia, Amerika Syarikat, dan operasi di sempadan Thailand dan Sabah di mana latihan bersama anggota tentera dari negara luar menuntut anggota tentera untuk berkomunikasi menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu.



Yayasan Tuanku Syed Putra Mahu Kumpul Dana Sebanyak Rm5.5 Juta Lagi Untuk Bina Pusat Austism Pertama Di Perlis

Tuanku Syed Putra Foundation yang juga dikenali sebagai Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) berhasrat untuk mengumpul dana tambahan sebanyak RM5.5 juta lagi untuk membina sebuah pusat autism bagi komuniti di Perlis, kemudahan pertama seumpamanya di negeri tersebut. Pusat tersebut akan memberi manfaat kepada golongan yang mengalami autism di wilayah utara untuk membina masa depan lebih cerah. Melalui kerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sejak dua tahun lalu, inisiatif Hab Sumber Pendidikan dan Latihan Autism (A-HEART) telah dibentuk dan berjaya mengumpul dana sebanyak RM500,000 untuk membina sebuah pusat autism kanak-kanak di kampus UniMAP. Kini, Pusat Autism A-HEART UniMAP mahu membina sebuah pusat yang lebih lengkap untuk membantu golongan yang memerlukan. YTSP kini mensasarkan untuk mengumpul dana sebanyak RM6 juta dalam tempoh tiga tahun demi merealisasikan impian tersebut.

Pada 19 Julai 2018 yang lalu, UniMAP berbesar hati kerana Acts One Group Inc. memberikan sokongan bagi membantu menjadikan impian membina sebuah pusat autism yang lengkap satu realiti tidak lama lagi. Bank Rakyat juga telah menganjurkan Karnival Bank Rakyat-A-Heart Autismlympic 2018, satu acara sukan yang unik untuk menggalakkan pelajar-pelajar autism bersukan. Pada Februari tahun ini, YTL telah menyumbang sebanyak RM100,000 kepada YTSP. Tahun lalu, Bank Rakyat sekali lagi menganjurkan 'Bank Rakyat-A-HEART Rainbow Walk' yang menyaksikan 1,398 peserta terdiri daripada kanak-kanak daripada rumah anak-anak yatim dan pelajar universiti meraikan Bulan Kesedaran Autism Kebangsaan. Acts One Group Inc. juga merupakan penaja korporat YTSP untuk majlis makan malam penghargaan *GOLD A-HEART Fundraising* bagi Pusat Autism A-HEART UniMAP yang diadakan pada 19 Oktober 2018 di Shangri-La Hotel Kuala Lumpur.





Program Communicative English Course Kongsi Kepakaran Akademik Dengan Thailand

UniMAP terus meningkatkan keterlihatan universiti di rantau ASEAN menerusi Program *Communicative English Course* dengan kerjasama Nakhon Pathom Rajabhat University (NPRU) Thailand. Program di bawah kendalian Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) UniMAP itu menerima 20 pelajar Pusat Pengajian Kemanusiaan NPRU dan berlangsung selama 21 hari bermula 28 Jun lalu sehingga 18 Julai 2018. Program ini menyerlahkan UniMAP di rantau ASEAN melalui kerjasama kepakaran akademik dalam bidang bahasa Inggeris di samping mendedahkan para pelajar kepada kemahiran komunikasi dan budaya Melayu. Di samping itu, ia juga sebagai mengukuhkan hubungan kerjasama kedua-dua universiti selain bertindak sebagai saluran untuk pengembangan dan pengukuhan ASEAN dalam meningkatkan nilai perkongsian ilmu di rantau ini.

Selain sesi dalam kelas, pelbagai aktiviti lain seperti lawatan akademik ke Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Alor Setar selain mereka berpeluang menimba pengalaman mempelajari

budaya Melayu melalui aktiviti masuk kampung yang diadakan di Kampung Pulau Pisang, Jitra. Tambahan lagi, para pelajar NPRU juga perlu mengikuti sesi kelas bahasa Melayu yang diajar guru bahasa CIL dan tarian Melayu bimbingan artis budaya Unit Kebudayaan & Rekreasi (UKR) UniMAP. Pengalaman mempelajari bahasa dan tarian Melayu ini sangat menyeronokkan dan ini merupakan satu pengalaman baharu yang tidak akan diperolehi di Thailand.





Raja Muda Perlis Lancar iVCORE MASTI Ke Thailand

Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan melancarkan Projek Antarabangsa: Kesukarelaan & Tanggungjawab Sosial Korporat (iVCORE) di Kampus UniMAP pada 12 Julai 2018 yang lalu. Projek julung kalinya diadakan ke peringkat antarabangsa berkenaan merupakan anjuran Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) melalui Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (POTENSI) UniMAP. Hasrat MASTI melebarkan sayap bantuan kemanusiaan ke Thailand amat disokong malah Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) turut memperuntukkan bantuan RM10,000 bagi membantu asnaf di sana.

Pada kali ini MASTI menerusi POTENSI berhasrat melebarkan lagi bantuan kemanusiaan bagi peringkat antarabangsa dengan memilih Kampung Khokkek di Chana, Thailand mulai 12 hingga 15 Julai. Dua aktiviti utama ialah sumbangan dan pembinaan sekolah di masjid selain aktiviti sukan serta motivasi bersama anak-anak yatim Sekolah Santiwit di daerah berkenaan. Selain MAIPs, iVCORE turut mendapat sumbangan daripada pelbagai pihak seperti Persatuan di Universiti Awam (UA) masing-masing yang disertai hampir 50 peserta bagi menjayakan bantuan kemanusiaan itu. Di samping bantuan kemanusiaan itu, MASTI turut mengadakan lawatan dan perbincangan bersama pentadbir Prince Of Songkhla University (PSU) bagi bertukar-tukar idea berkaitan tugasan pentdabir universiti serta mengukuhkan hubungan sedia ada.





PPK Bioproses Bantu Asnaf Menjelang Aidilfitri

Bersempena dengan kehadiran Aidilfitri yang lalu, Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Bioproses, UniMAP telah turun padang bagi membantu tiga keluarga asnaf. Program Jejak Asnaf yang dianjurkan setiap tahun bersempena Ramadan itu, bertujuan bagi meningkatkan kesedaran tentang amalan bersedekah, membantu meringankan beban keluarga asnaf dan untuk lebih mendekati masyarakat setempat di kalangan staf. Antara bantuan yang diberikan berupa barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak, tilam, bantal, pakaian beserta wang tunai. Sumbangan ini adalah hasil sumbangan staf PPK Bioproses. Lebih manis lagi, pada program itu juga, mereka dapat membantu seorang pelajar yang telah menolak tawaran ke Program Diploma Kejuruteraan (Kejuruteraan Metalurgi) UniMAP kerana kekangan kewangan. Hasil daripada usaha Jawatankuasa Jejak Asnaf, mereka telah berjaya, membantu pelajar ini mendapatkan bantuan

pelajaran daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). PPK Bioproses juga telah melancarkan tabung derma kilat dan rayuan kemasukan semula ke program diploma tersebut dan pelajar tersebut telah mendaftar sebagai pelajar UniMAP pada ambilan kedua pada 25 Jun yang lalu.





Sebanyak 7,388 Beg Darah Sumbangan Warga UniMAP Sejak 2010

Majlis Perasmian Kempen Derma Darah sempena Minggu Derma Darah Mahasiswa Prihatin Universiti Awam (UA) peringkat UniMAP di Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman telah berlangsung pada 16 Mei yang lalu. Kekerapan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan kempen derma darah dua kali sebulan berjaya menyumbang lebih tujuh ribu beg darah kepada pusat-pusat pendermaan darah. Jumlah itu yang terhasil sejak 2010 sehingga April tahun ini menjadikan UniMAP menerima beberapa anugerah penghargaan seperti Penganjur Kempen Derma Darah Paling Aktif Peringkat Wilayah Utara pada 2013 dan 2014.

Selain penghargaan dari Pusat Derma Darah Wilayah Utara, UniMAP turut menerima penghargaan daripada HTF di atas sumbangan universiti itu sebelum ini sempena Hari Derma Darah Sedunia pada 2016. Seramai 2,052 warga UniMAP turut mendaftar untuk menderma darah namun selepas disaring, mereka tidak berjaya menderma kerana tidak memenuhi kriteria menderma darah yang ditetapkan. Namun, seramai 10 mahasiswa merupakan penderma darah paling aktif melebihi 10 kali dengan kekerapan tertinggi dicatatkan ialah 28 kali sebagai tanda prihatin terhadap keperluan masyarakat khususnya di negeri ini yang memerlukan 160 beg darah seminggu dan 8,000 darah setahun. Sesungguhnya sumbangan warga UniMAP ini amat bernilai dan diharapkan menerusi kempen ini, lebih ramai warga UniMAP mendaftar untuk menderma darah. UniMAP telah menganjurkan kempen berkenaan dengan kerjasama Jabatan Patologi HTF pada 14 dan 16 Mei sempena Minggu Derma Darah itu yang membabitkan 20 UA di seluruh negara.





USR CGS UniMAP Ceriakan Murid Pendidikan Khas Sk Putra

Prihatin dengan murid-murid program pendidikan khas integrasi masalah pembelajaran (PPKIBP) di Sekolah Kebangsaan (SK) Putra, Pusat Pengajian Siswazah (CGS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan program tanggungjawab sosial universiti (USR) di sekolah itu pada 25 April yang lalu. Program USR 'Menambahbaik Lanskap dan Kelas PPKIBP' itu membabitkan hampir 100 pelajar doktor falsafah (PhD) UniMAP, staf CGS, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) serta murid program berkenaan. Pendedahan mengenai kemahiran kepada murid-murid sekolah harus dititikberatkan sejak mereka di sekolah rendah yang kemudiannya akan dibawa ke peringkat seterusnya bagi menggerakkan kemajuan negara di masa akan datang.

Seorang pelajar antarabangsa dari Nigeria yang kini mengikuti PhD di Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) UniMAP, Miftahu Idris berkongsi pengalaman pertamanya

menyertai program USR dan teruja dapat bergaul dengan murid-murid sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum. Selain gotong-royong menceriakan halaman sekolah, turut diadakan lukisan mural bersama Kelab Pelukis Negeri Perlis bagi menceriakan murid-murid istimewa sekolah itu serta sukaneka bersama murid- murid PPKIBP. Malah, beberapa individu perseorangan dan pusat tanggungjawab di UniMAP turut memberi sumbangan berupa alat tulis kepada mereka.

UniMAP Jalin Kerjasama Kejuruteraan Berkaitan Tentera Sempena DSA 2018



UniMAP adalah antara institusi pendidikan yang terlibat secara langsung sempena Persidangan Pertahanan Asia (DSA) 2018 ke-16 dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC) 2018 yang diadakan pada 17 April 2018 di Pusat Pameran & Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC). UniMAP mengambil peluang menjalinkan kerjasama dalam bidang kejuruteraan berkaitan ketenteraan dengan syarikat Empayar Paradiqma Sdn Bhd menerusi upacara menandatangani surat hasrat (LoI) sempena persidangan itu. Kerjasama itu jelas membuktikan impak pembangunan dan penyelidikan (R&D) bukan hanya di peringkat akademik sahaja malah merentasi pelbagai fungsi dan bidang. Kerjasama strategik ini bakal memberi kesan secara langsung kepada mahasiswa UniMAP khususnya dalam konteks kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan. PPK Pembuatan UniMAP diberi tanggungjawab bagi menyemarakkan kerjasama itu dalam usaha keterlihatan UniMAP di peringkat antarabangsa.

INEE Beri Pendedahan Bidang Kejuruteraan Nano Kepada Pelajar Sekolah

Bagi memberi pendedahan dalam bidang kejuruteraan nanoteknologi , Institut Kejuruteraan Nano Elekronik (INEE) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menyertai pameran Sains , Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pada 11 April yang lalu. Pameran berkenaan diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam, sempena Minggu STEM dan Kerjaya 2018 anjuran sekolah berkenaan. Selain pameran, pasukan INEE turut mengadakan aktiviti kuiz dan taklimat kerjaya bersama kira-kira 300 pelajar tingkatan tiga hingga lima sekolah itu. Inisiatif menyertai pameran itu diambil agar generasi muda diberi pendedahan lebih awal mengenai kejuruteraan nanoteknologi. Pendedahan kepada pelajar sejak mereka sekolah lagi wajar dilakukan agar apabila mereka ke universiti, mereka sudah mengetahui dengan lebih meluas mengenai kejuruteraan, khususnya kejuruteraan biosensor dan nanoelektronik. Selain SMK Ayer Hitam dan UniMAP, SMK Tanjung Pauh dan SMK Mahawangsa turut menjayakan pameran berkenaan.



Huzili Hussin Dilantik Sebagai Pakar Rujuk JKM



Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Madya Dr. Huzili Hussin telah dilantik menjadi pakar rujuk Bahagian Kaunseling dan Psikologi, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) Perlis berkuatkuasa serta merta pada 11 April 2018. Ini adalah selaras dengan perancagan strategik JKM 2017 yang menggariskan beberapa perancangan bagi menyebarluaskan perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada komuniti dan seiring dengan prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Huzili yang dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Sains Malaysia mempunyai kepakaran dalam psikologi kaunseling dan sub bidangnya adalah *Cognitive Behavioral Therapy Intervention*.

Program Memperkasa Bahasa Melayu Wilayah Andaman 2018 PBA, UniMAP-Sekolah Fahad Wittayathan





Program memperkasa bahasa Melayu anjuran Pusat Bahasa dan Antarabangsa (CIL) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di wilayah Phangnga selatan Thailand terus mendapat sambutan menggalakkan dari sekolah-sekolah di wilayah itu sejak 2015. Ini jelas terbukti apabila salah sebuah sekolah di wilayah itu iaitu Sekolah Fahad Wittayathan serius memperluaskan bahasa Melayu dengan menjadikan subjek itu sebagai subjek teras kurikulum di sekolah mereka sekaligus mahu menjadikan sekolah itu sebagai pusat sehenti pendidikan bahasa di wilayah berkenaan. Seramai empat guru bahasa terlibat bagi program yang memasuki fasa keenam itu bermula 10 hingga 14 Januari lalu. Sekolah Fahad Witthayatan adalah sekolah angkat UniMAP kini telah melaksanakan sukatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah mereka yang melibatkan pelajar tahun 1 hingga tahun 6 sebagai subjek kokurikulum. Selain UniMAP, program kali ini turut mendapat perhatian dan penglibatan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis dan Politeknik Syed Sirajuddin (PTSS).

Pensyarah UniMAP Terpilih Program CSR Sains Pengkomputeran

Tiga pensyarah UniMAP berjaya terpilih sebagai Jurulatih Utama (*Master Trainer*) bagi memberikan latihan kepada 100 guru-guru sekolah di seluruh negeri ini. Mereka adalah Dr Syed Zulkarnain Syed Idrus dan Dr Wan Nor Ashiqin Wan Ali dari Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) serta Dr Hasnah Ahmad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKKP) UniMAP.

Program berkenaan adalah salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) ,Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan UniMAP bagi mengintegrasikan modul pemikiran komputasi dan sains pengkomputeran ke dalam kurikulum sekolah. Menerusi program itu, UniMAP turut dipilih sebagai pusat kursus pengembangan Profesional (Continous Professional Development) berdasarkan saranan industri untuk meningkatkan kesediaan pendidik. Pusat itu berperanan bagi program Sijil Pengajaran Sains & Komputer untuk guru di negeri Perlis serta meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru dalam pengajaran sains komputer.

PROGRAM LIMPAHAN KASIH UniMAP 2018

Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs), Mini RTC Kok Klang dan Kampung Balik Guar, Chuping, Perlis telah menjayakan Program Limpahan Kasih UniMAP yang turut berangkat bercemar duli DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis pada 21 Januari 2018 (Isnin). Program bersama rakyat ini melibatkan penyertaan 500 orang penduduk yang terdiri daripada penduduk Kampung Balik Guar dan Penduduk Kampung Kok Klang serta dimeriahkan lagi dengan kehadiran dan kerjasama oleh Ketua-Ketua Jabatan Negeri Perlis Ketua-Ketua Jabatan UniMAP, Staf dan Pelajar UniMAP. Aktiviti Program Kayuhan Limpahan Kasih UniMAP dimulakan dengan senam ria yang diketuai oleh Instruktor Pusat Sukan UniMAP. Perasmian *University Community Transformation Center* (UCTC) di Mini RTC Kok Klang telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis. Seterusnya, bersama DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis bertindak melepaskan (*Flag Off)* peserta kayuhan yang diketuai oleh Canselor UniMAP.

Beberapa aktiviti telah diadakan di Mini RTC Kok Klang bersama DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis antaranya aktiviti menjahit, permainan tradisional batu seremban, program memasak dan kelas solekan. Naib Canselor UniMAP telah menyampaikan sumbangan solar kepada Surau Kampung Balik Guar, Chuping sambil disaksikan oleh bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis. Menurut Naib Canselor, Teknologi Panel Solar dipilih kerana

ia ada banyak kebaikan seperti mesra alam serta sumber tenaga boleh baharu yang paling berpotensi untuk menjana elektrik bagi rumah kediaman. Tenaga solar amat sesuai diletakkan di pusat pemindahan banjir sebagai satu alternatif bekalan elektrik sekiranya pencawang elektrik ditenggelami air sehingga menyebabkan gangguan bekalan elektrik. Pemilihan surau juga bertepatan kerana kawasannya yang strategik dan luas akan memudahkan orang ramai berkumpul apabila berlaku kecemasan.





Evergreen Memories



Program ini diadakan adalah bertujuan untuk melestarikan kampus utama UniMAP dengan menanam sebanyak 200 anak pokok hutan yang terdiri daripada 4 jenis anak pokok iaitu Kiat, Mahagani, Kaya, dan Karas. Di samping itu juga, para pelajar tahun akhir PPK Pembuatan yang menyertai program ini dapat memahat kenangan mereka dengan meletakkan tanda nama mengikut urutan yang ditetapkan pada anak-anak pokok tersebut. Program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Naib Canselor UniMAP, Ybhg Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal.

Program Finland Early Childhood Education

Pada 31 Disember 2018 yang lalu, satu sesi Perkongsian Ilmu bertajuk "Knowledge Sharing: Finland Early Childhood Education" oleh Ms. Darlene Koskinen bertempat di Tadika Pewaris Generasi UniMAP Satu, Taman Mewah Kangar Perlis. Ms Darlene merupakan seorang Pengasas dan Pemilik MoovKids.com, MoovKids Teaching Studio & Kids Fitness Karate Club, dari Helsinki Finland dan berpengalaman selama lebih 20 tahun dalam pendidikan awal kanak-kanak mengikut peringkat umur. Seramai 60 orang pengusaha Tadika dan Taska sekitar negeri Perlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, KEMAS dan individu perseorangan termasuk staf UniMAP telah menyertai program ini. Acara dimulakan dengan sesi beramah mesra Penceramah bersama kanak-kanak Tadika Pewaris Generasi UniMAP Satu Kangar. Ms Darlene menunjukkan kaedah pembelajaran interaktif di mana pengajaran lebih bertumpu kepada kaedah belajar sambal bermain supaya kanak-kanak lebih fokus terhadap pembelajaran dan tidak mudah bosan. Selain itu, Ms. Darlene juga menyampaikan ceramah tentang sistem pendidikan awal kanak-kanak yang diterapkan di Finland supaya boleh menjadi contoh untuk diketengahkan di dalam sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Semoga sesi perkongsian ilmu anjuran bersama memberi manfaat buat semua masyarakat Perlis khususnya pengusaha Tadika atau Taska supaya melahirkan generasi anak-anak yang aktif.





Aktiviti USR lain yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2018 oleh Pusat-pusat Tanggungjawab (PTj) UniMAP adalah seperti berikut. Aktiviti atau program terbahagi kepada Program Khidmat Komuniti dan Penyelidikan Translasional.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	**TARIKH & TEMPAT PROGRAM**	**OBJEKTIF**
Pemeriksaan Kesihatan Sempena Program Limpahan Kasih UniMAP	21 Januari 2018 (Ahad) Kampung Balik Guar, Chuping Perlis	Pusat Kesihatan UniMAP turut menjalankan tanggungjawab sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap komuniti penduduk Kampung Balik Guar, Chuping. Ini menunjukkan warga UniMAP membina imej yang dinamik dan prihatin.
Program Khidmat Masyarakat Vietnam 2018	12-17 Februari 2018 Daerah Tan Chau, Tay Ninh dan Daerah Xuan Luc, Dong Nai, Vietnam	Program Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia (MAKESUM) telah mengatur keupayaan dan kesepakatan untuk melaksanakan khidmat kesihatan sebagai tanggungjawab sosial di peringkat global kepada masyarakat Daerah Tan Chau, Tay Ninh dan Daerah Xuan Luc, Dong Naidi samping meningkatkan kemahiran klinikal dan pengurusan peserta serta beribadah.
Majlis Pelancaran Third Force IPTA Cawangan UniMAP Perlis (THIRDFORCE UniMAP)	24 Februari 2018	Majlis Pelancaran Third Force IPTA Cawangan UniMAP Perlis anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik (PPKSE) dengan kerjasama 3rdForce UniMAP bersama Jab HEPA UniMAP dan 3rdForce Perlis. Objektif majlis ini adalah menyediakan pasukan sukarelawan di kalangan pelajar UniMAP mahupun staf-staf UniMAP khasnya untuk meningkatkan semangat patriotik yang tinggi serta berkemampuan memberikan perkhidmatan pada bila-bila masa dan dimana-mana. Menyediakan individu sukarela secara berpasukan yang berkebolehan serta memberikan perkhidmatan sukarela kepada masyarakat setempat atau warga UniMAP. Melalui pasuka Sukarelawan ini dapat meningkatkan perhubungan antara pelajar-pelajar serta staf-staf UniMAP dengan NGO tempatan yang terdiri dari pelbagai kaum dalam mengembeling tenaga sukarela sebagai tugas kebajikan. Di samping memberi pendedahan dan semangat kepada pelajar dan staf dalam kehidupan seharian yang kian mencabar. Ini juga dapat memupuk semangat dan menerapkan nilai positif kepada pelajar dan staf di UniMAP serta membina semangat bekerjasama dan kesukarelaan antara mahasiswa dengan masyarakat.
Program Motivasi Universiti Pendidikan Sultan Idris : Pemikiran Positif Pemangkin Kecemerlangan Diri.	17 Mac 2018	Pusat Sukan UniMAP dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sukan Idris (UPSI) mengadakan program Motivasi memberi pendedahan awal tentang sukan untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Program Sentuhan Kasih	17 Mac 2018 Kg. Pulau, Jalan Padang Mentah, Simpang Empat, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP menjalankan aktiviti gotong-royong bersama penduduk kampung.
Sentuhan Kasih	24 Mac 2018 Sek. Keb. Panggau , Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP memberi sumbangan tenaga kepada pihak sekolah untuk menceriakan kawasan sekolah.
Program Khidmat Masyarakat Chiang Mai, Thailand.	02 - 06 April 2018, - Madrasah Tahfiz Al-Quran, Pathalong - Kampung Mae Pham, Cheng Dao - Chiang Mai; Masjid Darul Muhajireen, Praghuap Khiri Khan	Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Kolej Kediaman UniMAP menganjurkan program Khidmat Masyarakat Chiang Mai, Thailand yang bertujuan untuk mengenali masyarakat minoriti Islam di Thailand serta membantu meringankan beban dengan memberi sedikit bantuan keperluan harian kepada masyarakat di sana.
Kem Pemuafakatan Pemimpin Kolej-Kolej Kediaman UniMAP - UTHM dan Khidmat Masyarakat	5-8 April 2018 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kampung Parit Raja	Pelajar-pelajar daripada Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) UniMAP Kolej-Kolej Kediaman, UniMAP denagn kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan JKKK Kampung Parit Raja telah mengadakan Kem Pemuafakatan Pemimpin Kolej-Kolej Kediaman UniMAP - UTHM dan Khidmat Masyarakat yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang cara corak kepimpinan Kolej Kediaman UTHM. Mereka berkongsi pendapat dan cara mengendali dan mengatasi permasalahan di Kolej Kediaman. Melalui kem ini mereka juga dapat mengeratkan hubungan di antara UniMAP dengan UTHM di samping mempelajari budaya kehidupan masyarakat di daerah Batu Pahat, Johor. Dengan Menyumbang tenaga dan kepakaran dalam aktiviti motivasi di sekolah dan aktiviti gotong royong bersama masyarakat, pelajar-pelajar dapat meningkatkan kemajuan diri dan kerjaya di masa hadapan.
Khidmat Masyarakat	21 April 2018 Asrama Teratak Rahmat, Pusat Pengajian Al-Islah, Mata Ayer, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP menerapkan rasa simpati, kasih sayang kepada golongan kurang bernasib baik.
Program Pengumpulan Barang Yang Boleh Dikitar Semula	21 April 2018 Kampung Wang Besar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP mengajar tentang cara yang betul untuk mengasingkan sisa-sisa makanan.
Program Kitar Semula	21 April 2018 Kampung Padang Telela, Pauh, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP membuka minda masyarakat untuk lebih menyayangi alam sekitar.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	**TARIKH & TEMPAT PROGRAM**	**OBJEKTIF**
Program Pendedahan Pengasingan Sisa Pepejal Isi Rumah	21 April 2018 Kampung Kurong Batang, Kangar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP melatih para penduduk kampung untuk menyelaraskan sistem pembuangan sisa pepejal isi rumah.
Khidmat Masyarakat	28 April 2018 Felda Mata Ayer,Padang Besar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP memberi pendedahan/pemahaman bagi meningkatkan kesedaran tentang kebersihan persekitaran.
Karnival Autismlympic Bank Rakyat - A-HEART	6 Mei 2018 & Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus pauh Putra	Program anjuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra UniMAP dengan kerjasama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan National Autism Society of Malaysia (NASOM) yang mensasarkan Anak-anak autisme di Pusat Pendidikan Khas yang berusia di antara 9-15 tahun, Anak-anak autisme di sekitar Kedah dan Perlis. Karnival ini turut berangkat DYTM Tuanku Raja Muda Perlis & DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis, Pegawai Utama & Ketua Jabatan, Wakil Pengurusan Bank Rakyat, Sukarelawan A-HEART dan Pelajar Kokurikulum UniMAP, Guru-guru pendidikan khas dan Anak-anak istimewa (autisme). Kanival ini diadakan bagi meningkatkan perkembangan sosial anak-anak autisme melalui komunikasi dan interaksi dengan individu dan kumpulan lain, meningkatkan hubungan kekeluargaan dan mengukuhkan sistem sokongan keluarga dan masyarakat kepada anak-anak autisme serta memanfaatkan aktiviti fizikal dan latihan sebagai terapi kepada anak-anak autisme. Di samping juga memperkenalkan pelbagai sistem sokongan lain dalam masyarakat kepada anak-anak autisme, kumpulan perubatan, keselamatan dan sebagainya.
Program Tautan Kasih Ramadhan 2018	30 Mei 2018 bertempat Pusat Kebajikan Anak Yatim Perlis	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP telah mengadakan Program Tautan Kasih Ramadhan 2018 untuk berkongsi kegembiraan dengan berbuka puasa bersama anak Yatim di Rumah Kebajikan serta memberi sumbangan hasil kutipan daripada mahasiswa UniMAP. Program ini turut hadir oleh Profesor Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (HEPA), UniMAP.
National Science Challenge 2018 (Peringkat negeri Perlis)	13 Julai 2018. Dewan Kecemerlangan UniMAP	Program ini dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Akademi Sains Malaysia, Exxon Mobil dan Young Scientist Network Malaysia telah dirasmikan oleh Prof. Ir. Dr. Hj. Rezuwan bin Hj. Kamaruddin TNC (A&A) yang mewakili Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Sasaran program kepada pelajar-pelajar sekolah rendah sekitar negeri Perlis bagi meningkatkan pengetahuan pelajar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.
Program Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN TAHUN 2018	14 Julai Hingga 15 Ogos 2018 bertempat di Negara Vietnam	Melalui HEPA UniMAP, pelajar UniMAP yang terpilih dalam program Yayasan Sukarelawan Siswa dengan penglibatan sukarelawan daripada seluruh institusi pengajian tinggi di Malaysia merasai pengalaman dan memberi ruang kepada pelajar tersebut untuk menjalankan Misi Sukarelawan Antarabangsa.
Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Kebangsaan, Zon Utara	8-10 Ogos 2018. Kampus Uniciti, UniMAP	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) dengan kerjasama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), Kementerian Kesihatan Malaysia (MoH) dan beberapa Universiti-universiti Awam telah mengadakan Kem Pemimpin Muda Prihatin Alr Kebangsaan bagi pelaja-pelajar sekolah menengah sekitar negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Program ini dirasmikan oleh Prof. Ir. Dr. Hj. Rezuwan bin Hj. Kamaruddin TNC (A&A) yang mewakili Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Tujuan program ini untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan secara berterusan di bawah pengurusan Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam (JKPLPA) UNESCO-IHP Malaysia. Di samping menjelaskan peranan pengurusan sumber air mengikut bisnes utama agensi masing-masing.
Misi Sukarelawan Antarabangsa MASKUM UniMAP-USU di Medan, Indonesia	3-6 September 2018 bertempat di Medan Indonesia	Sebanyak 30 orang terdiri daripada MPP UniMAP, Sukarelawan UniMAP dengan kerjasama Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia telah mengikuti Misi Sukarelawan Antarabangsa MASKUM UniMAP-USU untuk merancang dan melaksanakan misi sukarelawan antarabangsa serta dapat membantu mangsa dari aspek pemuliharaan daripada bencana gunung berapi.
Program Jelajah Sahur UKR UniMAP	6 September 2018 di Seluruh Negeri Perlis yang terpilih	Program Jelajah Sahur Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP diadakan bagi mengeratkan silaturrahim antara kakitangan Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP dan penggiat seni Perlis. Melalui program ini dapat memberi kesedaran kepada kakitangan Unit Kebudayaan dan Rekreasi menghargai atas jasa, pengorbanan dan sumbangan penggiat seni Perlis memartabatkan seni budaya tempatan. Antaranya dapat mempelajari cara mengendali sesuatu program bagi setiap lantikan ahli jawatankuasa sempena program ini. Selain itu, Program ini juga merupakan salah satu program tanggungjawab sosial universiti (USR) dimana ianya menjadi sebahagian daripada tanggungjawab Unit Kebudayaan dan Rekreasi bagi mencapai matlamat seperti yang dicadangkan didalam KPI jabatan tersebut.
Matematik di Hati	22 dan 23 Sept 2018 (Sabtu dan Ahad) Sek Men Keb Agama (P) Alawiyah Kangar, Perlis	PPK Bioproses dengan kerjasama Sek Men Keb Agama (P) Alawiyah Kangar, Perlis menjalankan tanggungjawab sosial terhadap keperluan komuniti setempat sebagai Universiti Awam yang prihatin dengan mempromosikan STEM dikalangan Pelajar Tingkatan 1 dan 2 Sek Men Keb Agama (P) Alawiyah Kangar dengan memberikan kefahaman kepada pelajar-pelajar tersebut melalui cara pembelajaran abad ke-21. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan motivasi para pelajar.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	**TARIKH & TEMPAT PROGRAM**	**OBJEKTIF**
Program Kayuhan MAIPs Peduli Sempena Titipan Kasih SPRM & UniMAP dan Program Menaiki Bot	23 September 2018 & Kolej Kediaman UniMAP Wang Ulu, Muzium Kota Kayang dan Pangkalan Jeti Tok Kuning	DYTM Tuanku Canselor & Tuanku Pro Canselor berkenan mencemar duli berangkat ke Program Kayuhan MAIPs Peduli Sempena Titipan Kasih SPRM & UniMAP dengan kerjasama SPRM, MAIPs, Tayar Golek Group dan Kelab Memancing Perlis. Turut hadir bersama Ahli-ahli Lembaga Pengurusan Universiti UniMAP, Pegawai Utama & Ketua Jabatan serta Penglibatan Majlis Pewakilan Pelajar Untuk menjalankan tanggungjawab Sosial UniMAP terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan komuniti setempat. Melalui program seperti ini dapat mewujudkan rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga UniMAP untuk membantu masyarakat setempat secara sukarela. Di samping meraikan dan memberi sumbangan kepada kumpulan sasaran.
D'Hati MikroE Siri 8: Ramadhan 2018	Sepanjang Bulan Ramadhan 1439H / 2018M - Sekitar Negeri Perlis	Kelab Staf Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Kelab Pelajar PPK Mikroelektronik dengan kerjasama MPP UniMAP, Alumni UniMAP, MPKK KKTAR, MAIPS dan JPN Perlis telah memberi sumbangan derma & zakat daripada pelajar, staf & Alumni UniMAP, Orang Ramai dan MAIPS kepada Komuniti setempat sekitar Pauh Perlis. Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan kerja berpasukan serta sifat saling membantu di kalangan pelajar, staf dan alumni PPK Mikroelektronik UniMAP. Di samping menjalankan tanggungjawab PPK Mikroelektronik UniMAP terhadap kebajikan dan pendidikan komuniti setempat. Mereke telah mengumpul dana dan memberi sumbangan bagi iftar dan moreh pelajar UniMAP serta keperluan harian, Hari Raya dan persekolahan komuniti setempat.
Program CSR dan STEM Institut Kejuruteraan Nano Elektronik	- SK Jalan Raja Syed Alwi (10 September 2018 (Isnin)) - SK Dato' Wan Ahmad (09 Oktober 2018 (Selasa)) di Institut Kejuruteraan Nano Elektornik	Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Syed Alwi, Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah mengadakan Program CSR dan STEM Institut Kejuruteraan Nano Elektronik yang bertujuan memberi pendedahan teknologi tercanggih kepada pelajar sekolah. Memberi penerangan berkenaan aplikasi keperluan makmal dan juga penyelidikan. Ini akan memberi lanjutan pengetahuan sains dari sekolah sehingga ke peringkat tertinggi.
Young Environmentalist Camp 2018	3 - 4 Oktober 2018. Putra Brasmana Hotel, Kuala Perlis.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) dengan kerjasama UNESCO-IHP Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Angkatan Pertahanan Awam Negeri Perlis telah menganjurkan Young Environmentalist Camp 2018, di mana Perasmian penutup bagi program ini disempurnakan oleh Prof Madya Dr Foad Sakdan, TNC HEPA, UniMAP. Objektif program adalah untuk meningkatkan kualiti kurikulum terutamanya Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan,
Misi Mengecat Rumah Asnaf En Azmi. Kg Wai	7 Oktober 2018	Program yang dianjurkan oleh PPKSE dengan kerjasama 3rd Force Perlis, 3rd Force UniMAP dan Jabatan HEPA UniMAP untuk membantu masyarakat setempat di Kampung Wai (Asnaf di bawah 3rd Force) dengan menjalankan aktiviti gotong-royong bagi mewujudkan rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga UniMAP
Program mengecat Rumah Asnaf dan Program Kitar Semula Kg.Wai	8 Oktober 2018	Kelab Sukarelawan 3rd FORCE HEPA, UniMAP menjalankan tanggungjawab UniMAP terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan komuniti setempat Sekitar Kg.Wai dengan bergotong-royong (mengecat rumah asnaf dan program kitar semula). Pihak NGO 3rd Force turut meraikan dan memberi sumbangan kepada kumpulan sasaran.
Program Counselling & Wellness: Seminar Psikologi Positif 'Lonjakan Akhir Pelajar SPM & STPM 2018 Peringkat Negeri Perlis'	13 Oktober 2018 (Sabtu) Dewan Kuliah 1 & 2, Kompleks Dewan Kuliah, UniMAP Pauh Putra	Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) dengan kerjasama Unit Latihan dan Kompetensi Jabatan Pendaftar, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, AKRAB Radio Televisyen Malaysia Perlis (RTM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis (MAIPs), Yayasan UniMAP, Yayasan Kebajikan Perlis dan Pusat Islam UniMAP telah mengadakan Program Counselling & Wellness: Seminar Psikologi Positif Lonjakan Akhir Pelajar SPM & STPM 2018 Peringkat Perlis yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Naib Canselor UniMAP. Program yang berbentuk motivasi iaitu usaha membantu masyarakat Negeri Perlis terutama golongan asnaf bagi membuat persediaan menghadapi peperiksaan SPM dan STPM.
Zero orphan 4.0	20 Oktober 2018 (Sabtu) Pusat Jagaan slam Hidup Matiku, Jitra, Kedah	Program ini diadakan bertujuan mewujudkan rasa kesedaran serta tanggungjawab sosial dalam kalangan warga PPK Bioproses untuk membantu masyarakat setempat secara sukarela. Di samping itu, melalui program USR seperti ini dapat membentuk mahasiswa dan mahasiswi yang prihatin terhadapat golongan anak-anak fakir miskin, asnaf dan yatim yang kurang bernasib baik. Sumbangan adalad daripada pihak pelajar dan staf PPK Bioproses.
Program motivasi Sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Perlis	24 Oktober 2018	Pusat Sukan UniMAP mengadakan program Motivasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Perlis yang mensasarkan Pelajar lepasan PT3 dengan memberi pendedahan awal tentang sukan untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Panel Program Planet Sukan TV 1: Kemenjadian Atlet Murid	30 Oktober 2018	Sebagai menjalankan tanggungjawab Pusat Sukan UniMAP dengan kerjasama Sistem Televisyen terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan Semua atlit sekolah sukan malaysia dan sekolah sukan negeri. Mewujudkan rasa tanggungjawab dan pendedahan awal untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI		
PROGRAM/ AKTIVITI	**TARIKH & TEMPAT PROGRAM**	**OBJEKTIF**
Program Motivasi Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Seraya Ampang, Selangor	31 Oktober 2018	Pusat Sukan UniMAP mengadakan program Motivasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Seraya Ampang, Selangor yang bertujuan memberi pendedahan awal untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Aktiviti Gotong-Royong	10 November 2018 Tasik Melati, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP Menyumbang tenaga bagi menceriakan lagi kawasan beli belah di Padang Besar.
Kempen Kesedaran Keselamatan & Kesihatan di Sekolah	08 November 2018 (Khamis), bertempat di SMK Agama (perempuan) Kangar 14 November 2018 (Rabu), bertempat di SK IPGM, Kangar	Program anjuran Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah (30 orang peserta) yang bertujuan memastikan pengetahuan berkenaan aspek keselamatan dan kesihatan serta fasiliti di sekolah berada pada tahap yang terbaik
Klink Sukan Olahraga Sekolah Menegah Kebangsaan Ringlet, Cameron Highland.	14 & 15 November 2018	Pusat Sukan UniMAP dan Jabatan Pendidikan Daerah Cameron dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ringlet menjalankan tanggungjawab Sosial UniMAP terhadap komuniti sebagai Universiti Awam yang prihatin terhadap keperluan komuniti setempat. Sasaran program ini adalah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ringlet dengan memeberi pendedahan awal untuk para atlit tentang aspek disiplin, kepimpinan dan kemasyarakatan.
Sukarelawan Mural	17 November 2018 Padang Besar, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP membantu menaiktaraf dan menceriakan persekitaran sekolah.
Projek Taman Recycle	24 November 2018 Sek. Keb. Panggau, Perlis	Pelajar-pelajar Kokurikulum UniMAP merakam video dokumentari mengenai Whimsical House.
Kempen Menderma Darah	Berkala sepanjang tahun	Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis menjalankan Kempen Derma Darah yang turut melibatkan pelajar-pelajar di Kolej Kediaman sekitar Kampus UniMAP, Pauh Putra.Objektif kempen ini adalah untuk menyalurkan bantuan unit darah yang akan digunakan oleh hospital. Di samping dapat Menyemai sikap staf dan siswa prihatin kepada keperluan masyarakat.
Kelas Mengaji Al-Quran untuk anak-anak Istimewa (KEMANIS)	Sepanjang tahun (Jan-Dis) & Hub A-HEART	Program anjuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra UniMAP dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) Membantu anak-anak istimewa (autisme) untuk mempelajari ilmu berkaitan Al-Quran dan Meningkatkan perkembangan sosial Anak-anak istimewa (autisme) kakitangan UniMAP dan masyarakat wilayah utara. Melalui komunikasi dan interaksi di antara mereka dan memberi pendedahan praktikal mengenai amali solat dan berwuduk.
Sesi terapi A-HEART	Sepanjang tahun (Jan-Dis) & Senze for Minz Therapy Centre	Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra UniMAP dengan kerjasama Senze for Minz Therapy Centre membantu Anak-anak istimewa (autisme) dibawah program A-HEART mengurangkan pelbagai kekurangan deria yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme dan membantu untuk meningkatkan kapasiti sosialisasi di dalam kehidupan mereka.
Kelas Mengaji Al-Quran untuk anak-anak Istimewa (KEMANIS)	Sepanjang tahun (Jan-Dis) & Hub A-HEART	Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) mengadakan Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dengan membantu anak-anak istimewa (autisme) kakitangan UniMAP dan masyarakat Wilayah Utara untuk mempelajari ilmu berkaitan Al-Quran bagi meningkatkan perkembangan sosial anak-anak autisme melalui komunikasi dan interaksi diantara mereka serta memberi pendedahan praktikal mengenai amali solat dan berwuduk.

PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL		
PROGRAM/ AKTIVITI	**TARIKH & TEMPAT PROGRAM**	**OBJEKTIF**
Khidmat Masyarakat di Sekolah Kebangsaan Kayang	10 Januari 2018. Sekolah Kebangsaan Kayang	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) mengadakan program khidmat masyarakat bersama Pelajar-pelajar SK Kayang melalui penghasilan VermikomposPenghasilan Vermikompos
Bengkel Guru Fizik Kedah	13 Mac 2018 (Selasa) PPD Kota Star, Alor Star, Kedah - Zon Utara 25 Mac 2018 (Ahad) PPD Kuala Muda/ Yan, Sg. Petani, Kedah - Zon Selatan	Institut Matematik Kejuruteraan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kedah telah mengadakan Bengkel Guru Fizik yang bertujuan untuk membantu pihak sekolah dalam permasalahan PnP subjek Fizik melalui kepakaran yang ada di Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP. (ii) Berbincang berkenaan isu-isu pendidikan terutamanya yang melibatkan isu pendidikan S.T.E.M.
Penghasilan kompos dari sisa makanan kpd Guru dan Pelajar SMK Sri Muda, Penaga	13 Mac 2018	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS)mengadakan program bersama SMK Sanglang yang mensasarkan Pelajar & Guru SMK Sri Muda dan pendidikan Khas SMK Sanglang dalam Penghasilan kompos menggunakan Teknik Takakura

PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL		
PROGRAM/ AKTIVITI	**TARIKH & TEMPAT PROGRAM**	**OBJEKTIF**
Bengkel Guru Fizik dan Matematik Perlis	31 Mac 2018 (Sabtu) IMK UniMAP	Bengkel Guru Fizik dan Matematik Perlis anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama JPN Perlis dan Sekretariat STEM UniMAP adalah untuk membantu pihak sekolah dalam permasalahan PnP subjek Fizik dan Matematik melalui kepakaran yang ada di IMK UniMAP. Melalui bengkel ini perbincangan berkenaan isu-isu pendidikan terutamanya yang melibatkan isu pendidikan S.T.E.M. juga dibentangkan. Dengan harapan kerjasama yang lebih erat dan berterusan antara UniMAP dan pihak sekolah dalam hal ehwal akademik.
Program Pi (p) Memorization Competition Perlis 2018 (Program Menghafal Nombor Pi)	28 April 2018 (Sabtu) PPK Mekatronik, UniMAP Kampus Pauh Putra	Program anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra, JPN Perlis, Sekretariat STEM UniMAP dan IMK Postgraduate Club diadakan bertujuan untuk memupuk minat Matematik terhadap pelajar-pelajar Sekolah Menengah di sekitar Negeri Perlis dalam menghargai simbol-simbol Matematik terutamanya Pi (p) yang sering digunakan dalam pengiraan Matematik, Sains, Kejuruteraan dan Teknologi. Di samping itu juga, dapat mencungkil bakat kebolehan menghafal susunan digit tak rasional p yang tak terhingga. Harapan di masa hadapan adalah dengan adanya program seperti ini dapat mensasarkan lebih ramai rakyat Malaysia tersenarai di dalam 'Pi World Ranking List'. DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis berangkat bercemar duli ke program ini dan turut hadir bersama YBhg. Naib Canselor UniMAP, Pegawai Utama dan Ketua Jabatan UniMAP.
Program Sukarelawan Mobiliti UniMAP - Thaksin University	28 Julai 2018 Hingga 11 Ogos 2018, Pat Bara, Satun, Thailand	Program Sukarelawan Mobiliti UniMAP, HEPA dengan kerjasama Thaksin University, Thailand bertujuan memberi kesedaran dan pendidikan awal subjek Bahasa Inggeris kepada murid sekolah di Satun, Thailand. Program ini turut melibatkan Pelajar Sukarelawan UniMAP dan 4 orang Sukarelawan dari Thaksin Universiti Thailand
Bengkel Guru Fizik dan Matematik Pulau Pinang	06 September 2018 (Khamis) di Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Pinang	Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Bengkel Guru Fizik dan Matematik yang bertujuan membantu pihak sekolah dalam permasalahan PnP subjek Fizik dan Matematik melalui kepakaran yang ada di IMK UniMAP. Antara aktiviti diadakan adalah bherbincang berkenaan isu-isu pendidikan terutamanya yang melibatkan isu pendidikan S.T.E.M dan juga memastikan kerjasama yang lebih erat dan berterusan antara UniMAP dan pihak sekolah dalam hal ehwal akademik.
Khidmat Masyarakat di Sekolah Kebangsaan Putra	12 September 2018. Sekolah Kebangsaan Putra	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) mengadakan program khidmat masyarakat bersama Pelajar-pelajar SK Putra, Kangar melalui penghasilan Vermikompos
Program Khidmat Masyarakat CoEBU UniMAP bersama Kelab Alam Sekitar Sek Keb Kayang, Perlis	10 Oktober 2018 (Rabu) Sek Keb Kayang, Perlis	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses dengan kerjasama Sek Keb Kayang mensasarkan Ahli Kelab Alam Sekitar Sek Keb Kayang dengan memberi pendedahan dan kesedaran untuk memelihara alam sekitar dengan cara mengitar semula sisa buangan untuk dijadikan baja. Meningkatkan kesedaran mengenai manfaat menggunakan baja organik untuk menyuburkan tanah dan tanaman. Dihadiri bersama oleh Guru Besar Sek Keb Kayang, Perlis.
STEM @ Perlis and Beyond (Green Energy Lab @ SRIAZ)	Sepanjang Tahun 2018 mulai Julai 2018 - ekolah Rendah Islam Al-Azhar Arau Perlis	Suatu inistiatif mempromosikan dan meningkatkan minat terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di kalangan pelajar sekolah rendah oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik Universiti Malaysia Perlis . Manakala Green Energy Lab adalah kerjasama 3 hala antara PPK Mikroelektronik, Sekolah Rendah Islam Al Azhar (SRIAZ Aau, Perlis) dan Brainet (M) Sdn. Bhd. Staf dan pelajar PPK Mikroelektronik telah diberi kepercayaan untuk membimbing aktiviti STEM dan Green Energy Lab ini yang diadakan secara berkala sepanjang tahun mulai Julai 2018.
Bengkel Micro:Bit - Makerspace UniMAP	30 November 2018, Perpustakaan Syed Faizuddin Putra	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah menganjurkan Bengkel Microbit - Makerspace UniMAP dengan jayanya. Objekti Bengkel ini adalah untuk melatih para pelajar berupayaan mereka dan berinovatif menghasilkan produk yang berasaskan pengaturcaraan. Malahan dapat membentuk minat para pelajar terhadap pengaturcaraan dan kejuruteraan komputer/perhubungan. Bengkel ini turut berangkat DYTM Tuanku Canselor dan Tuanku Pro Canselor, hadir bersama YBhg. Naib Canselor UniMAP dan Tuan Haji Aisharuddin bin Nuruddin, Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi dan Masyarakat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Encik Mohd Farid Zainal Abidin , CEO, Elvira System Sdn. Bhd. , Ketua Jabatan dan Dekan serta Penglibatan pelajar tahun 3 RK93 dan RK93 PPKKP.
Program Siri Ceramah The Beauty of Physics & Mathematics	Telah dilaksanakan dari tahun 2016 hingga kini (sekitar lebih 90 siri ceramah telah dilaksanakan dan melibatkan sekitar lebih 300 buah sekolah di seluruh Malaysia	Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) menganjurkan Program Siri Ceramah The Beauty of Physics & Mathematics bagi memperlihatkan Keindahan dan Keluasan Bidang Fizik dan Matematik di luar silibus subjek sekolah, serta untuk mempromosikan bidang Sains Fundamental dan Matematik di kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Perlis, khususnya.
Pengajar Subjek Bahasa Inggeris Tahun 6 UPSR 2018	Seminggu sekali sepanjang tahun 2018. SK Sena	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) menyediakan kepakaran tenaga pengajar bagi Subjek Bahasa Inggeris kepada Pelajar tahun 6, UPSR 2018 Sekolah Rendah Kebangsaan Sena, Kangar . Objektif program ini adalah memupuk minat terhadap Bahasa Inggeris dikalangan pelajar Sekolah Rendah. dan Sebagai persediaan menghadapi UPSR 2018.





Kelas Bahasa Inggeris





Program Based Learning - Pembuatan Baja Kompos Pendidikan Khas SMK Sanglang





Kem Pemimpin Muda Prihatin Kebangsaan Zon Utara





Program Khidmat Masyarakat CoEBU UniMAP bersama Kelab Alam Sekitar Sek Keb Kayang, Perlis





Young Environmentalist Camp (YEC) 2018





Program Kecemerlangan UPSR 2018





Program "Learn Science and Have Fun"





Program Khidmat Masyarakat CoEBU UniMAP bersama Kelab Alam Sekitar Sek Keb Putra





Matematik di Hati





Zero Orphan 4.0

13 • Perpustakaan



PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

LAPORAN TAHUNAN 2018Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) telah mencapai usia ke-16 tahun penubuhannya pada tahun 2018. Sehingga kini, PTSFP kekal menjadi destinasi ilmu warga UniMAP, komuniti sekitar, warga profesional, pustakawan dan sebagai tarikan utama bagi para tetamu universiti. Sepanjang tahun 2018, sejumlah 138,359 transaksi kunjungan warga UniMAP telah direkodkan. PTSFP juga telah menerima kunjungan 2,586 pelawat daripada 101 institusi di dalam dan luar negara.

HALA TUJU STRATEGIK PERPUSTAKAAN UNIMAP 2025



Hala Tuju Strategik Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (2018-2025)

Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 merupakan respon terhadap pemerkasaan peranan perpustakaan dalam menyokong pencapaian matlamat UniMAP 2025. Hala Tuju Strategik ini telah dibentangkan oleh Puan Mazmin Mat Akhir, Ketua Pustakawan UniMAP kepada pengurusan Universiti di Bengkel Perancangan Strategik UniMAP pada 30 Disember 2017 di Langkawi. Hala Tuju Strategik PTSFP 2018-2025 mengandungi 7 tujahan yang dikenalpasti bakal melonjakkan keberkesanan peranan perpustakaan pada abad ke-21. Ini meliputi tujahan sokongan penyelidikan, repositori generasi baru, kelestarian kewangan, fasiliti bertaraf dunia, hub komuniti, kelestarian perpustakaan abad ke-21 dan *MTUN One Point*. Pelan Tindakan 2018-2020 telah dibangunkan bagi memandu pelaksanaan PTSFP 2025 yang berlandaskan perubahan ekosistem dan persekitaran. Ia juga menyokong pelaksanaan strategi UniMAP 2025.

Pengurusan Kewangan

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) meletakkan pembangunan koleksi sumber maklumat abad 21 sebagai salah satu tujahan di dalam Pelan Strategi Perpustakaan 2018-2025. Pembangunan koleksi merupakan peranan penting perpustakaan dalam memenuhi keperluan maklumat pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan di Universiti. Ia juga manifestasi pewujudan sebuah perpustakaan dalam memperkaya, memelihara dan menyediakan akses kepada khazanah ilmu institusi untuk komuniti dan generasi akan datang.

Perpustakaan memperuntukkan di antara 90-92% daripada bajet keseluruhan jabatan untuk pembangunan koleksi elektronik dan konvensional (lihat Rajah 13.1).



Rajah 13.1: Perbandingan Peruntukan Jabatan Perpustakaan dan Peruntukan Pemerkasaan Sumber Maklumat Bagi Tahun 2017 dan 2018

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra sentiasa melaksanakan proses penilaian prestasi penggunaan sumber maklumat bagi memastikan keberkesanan kos pelaburan ke atas sumber. Ini memandangkan bahawa kos perolehan sumber elektronik meningkat sebanyak 8-10% secara tahunan selain peningkatan kadar tukaran mata wang asing. Piawaian ISO 11620:2014 *(Information and documentation - Library performance indicators*) digunapakai bagi tujuan tersebut.

Tajaan Langganan Pangkalan Data Maklumat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ProQuest TESIS & DISERTASI GLOBAL	Scopus PANGKALAN DATA SITASI
WorldCat Discovery Services ENJIN PENCARIAN MAKLUMAT	EBSCO INFORMATION SERVICES Academic Search Complete JURNAL ELEKTRONIK

Majlis Ketua Pustakawan (MKP) dan *Malaysia Online Electronic Resource Consortium* (MOLEC) bertanggungjawab menyalurkan justifikasi kepada Pusat Sitasi Malaysia, Jabatan Pendidikan Tinggi untuk melanggan kepada pangkalan data relevan kepada komuniti pendidikan tinggi. Pada tahun 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengekalkan tajaan kepada empat (4) pangkalan data maklumat kepada dua puluh (20) Perpustakaan Universiti.

PTSFP mencapai penjimatan bajet melalui tajaan langganan pangkalan data maklumat oleh Kementerian. Bajet sedia ada dimanfaatkan secara optima oleh PTSFP untuk memperbaharui langganan kepada sumber maklumat berimpak yang diperlukan oleh komuniti UniMAP.

Pemerkasaan Sumber Maklumat

PTSFP melaksanakan aktiviti pemerkasaan sumber maklumat elektronik melalui pengumpulan bahan ilmiah tempatan, perolehan bahan konvensional dan langganan kepada sumber elektronik. Fokus kepada pembangunan koleksi unik yang dihasilkan oleh warga UniMAP meliputi tesis, artikel jurnal, makalah, kertas kerja persidangan, buku, laporan, pembentangan, ulasan, tesis, laporan projek tahun akhir dan pelbagai lagi diyakini berupaya memperkaya sumber maklumat global. PTSFP telah berjaya mengindeks dan menyediakan teks penuh kepada lebih daripada 60,000 objek digital yang boleh dicapai melalui Sistem Repositori Digital UniMAP - http://dspace.unimap.edu.my.

Cenderung kepada pembangunan koleksi elektronik, PTSFP mempergiat aktiviti perolehan kepada sumber ilmiah global yang ditawarkan oleh penerbit terkemuka di dunia. Sehingga Disember 2018, PTSFP melanggan kepada 28 pangkalan data maklumat yang diterbitkan oleh penerbit komersil, penerbit institusi profesional ataupun penerbit Universiti. Ini merujuk kapasiti akses kepada jutaan teks penuh dalam bidang pengajian dan penyelidikan di UniMAP. Sepanjang tahun 2018, PTSFP berjaya menawarkan akses kepada 97.9% (2,571,977 judul) sumber maklumat elektronik kepada warga UniMAP. Ia meliputi buku elektronik, jurnal elektronik, kandungan item dalam Sistem Repositori, *Online Course Reference Collection* dan lain-lain.

Senario penerbitan global mencadangkan bahawa 60% daripada bahan terbitan dunia diterbitkan dalam format elektronik. PTSFP masih memfokus kepada pembangunan buku teks dan rujukan dalam format becetak memandangkan koleksi

ini tidak dipasarkan dalam format elektronik. Sehingga Disember 2018, PTSFP telah menyediakan akses kepada 65,106 bahan konvensional meliputi buku bercetak, bahan media dan jurnal dan majalah bercetak. Rajah 4 menunjukkan komposisi dan bilangan naskhah koleksi sumber maklumat ilmiah yang ditawarkan kepada warga UniMAP.

Falsafah "No Library is an island" merupakan sebahagian daripada agenda menyediakan akses kepada sumber maklumat melalui sistem pembekalan dokumen yang bersifat global dan efektif. Sistem *WorldShare Inter-Library Loan* dimanfaatkan oleh PTSFP bagi memenuhi keperluan pengguna UniMAP dengan memperolehi bahan-bahan yang tiada di dalam koleksi PTSFP. Rangkaian kerjasama di antara PTSFP dan perpustakaan global membolehkan bahan-bahan berkenaan diperolehi atau dipinjam daripada institusi lain di dalam dan luar negara.



Rajah 13.2 : Komposisi dan Bilangan Naskhah Koleksi Sumber Maklumat Ilmiah Tahun 2018

Akses Kepada Sumber Maklumat

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra sentiasa memastikan sumber maklumat yang ditawarkan dimanfaatkan secara optimum oleh warga UniMAP.

PTSFP menawarkan perkhidmatan enjin carian - Worldcat Discovery Service bagi memudahkan proses carian dan penermuan maklumat relevan untuk tujuan pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan. Enjin carian ini bukan sahaja menghubungkan pengguna kepada koleksi PTSFP, malahan merayap kepada sumber maklumat yang terdapat di 79,000 perpustakaan global. Sistem sama menghubungkan warga UniMAP kepada kandungan akses terbuka daripada 380 penerbit dan platform.

Sepanjang tahun 2018, sejumlah 1,031,820 teks penuh dalam pelbagai format telah di muat turun menerusi sumber elektronik langganan Perpustakaan. Sistem juga merekodkan sejumlah 904,144 carian dan rujukan menerusi Sistem Repositori Digital, *Online Course Reference Collection, LibApps, WorldCat Discovery Service* dan *Scopus*.

Pemantauan kepada kadar nilai pulangan ke atas pelaburan *(ROI - return of investment)* dilaksanakan dengan menggunakan alatan piawaian ISO 2789:2013 (*Information and Documentation: International Library Statistics).* Analisa *ROI* menunjukkan kos bagi setiap dokumen yang dimuat turun oleh warga UniMAP bernilai di antara RM 0.50 sehingga RM 7.72 sen. Nilai ROI yang tinggi dicapai oleh sumber maklumat elektronik yang meliputi pelbagai bidang perkara. Sumber maklumat dengan liputan bidang perkara khusus dan diakses oleh kelompok pengguna tertentu merekodkan nilai ROI yang rendah.



Semenjak tahun 2012, bilangan transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman bagai koleksi konvensional iaitu bercetak dan media menunjukkan penurunan secara signifikan daripada 30,667 transaksi kepada 8,131 transaksi pada tahun 2018. Statistik transaksi pinjaman dan pembaharuan pinjaman mencatatkan penurunan sebanyak 16.64% berbanding tahun sebelumnya. Ia merupakan senario global yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor persekitaran seperti tingkah laku generasi milenia dan perluasan akses kepada sumber elektronik.

Secara keseluruhan, sumber elektronik menyumbang sebanyak 97.9% komposisi akses kepada maklumat oleh warga UniMAP. Walau bagaimanapun, Perpustakaan menghadapi cabaran mengekalkan akses kepada sumber elektronik relevan dengan peningkatan kos langganan dalam situasi kekangan bajet. Pembatalan langganan kepada beberapa sumber yang mempunyai opsyen akses meliputi jurnal atas talian *Sensors & Transducers Journal, SAE International Journal of Fuels & Lubricants* dan *SAE International Journal of Engines* telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Akses Kepada Kemudahan

PTSFP telah menempatkan penyediaan fasiliti bertaraf dunia sebagai elemen ke-4 di dalam Pelan Strategik 2018-2025. Sehubungan itu, pelbagai kemudahan telah ditawarkan kepada warga UniMAP. Kemudahan popular seperti Bilik Karel, Bilik Diskusi, Bilik Interaktif, *Postgraduate Lounge*, *Ind-E-Zone (Industrial Engagement Zone), Noise Zone dan Hub* Pembelajaran telah dimanfaatkan secara optima oleh pengguna. Sepanjang tahun 2018, sejumlah 10,315 tempahan kemudahan dengan anggaran pengguna seramai 27,128 telah direkodkan oleh sistem tempahan atas talian. Ini menunjukkan peningkatan bilangan tempahan sebanyak 4.34% berbanding pada tahun sebelumnya dengan 9,886 tempahan.



PTSFP sentiasa komited untuk menyediakan fasiliti moden dengan teknologi terkini pada masa depan. Ia berasaskan matlamat menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada para pelajar khususnya dan warga UniMAP umumnya.


Pelancaran
e-Dagang Penerbit UniMAP
KOLEKSI BUKU
GLOBAL
EBOOK
Pembelian mudah dengan
ONLINE MARKETPLACE
LAZADA
Disempurnakan oleh
YBhg. Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamil
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis
28 Disember 2018
MEMPERKAYA MINDA
penerbit
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

14 • Penerbitan



Pada tahun 2018, Penerbit UniMAP telah menerbitkan sebanyak 15 judul buku dan modul pengajaran bagi memenuhi keperluan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta ilmu kepada masyarakat umum. Penerbit UniMAP juga sentiasa memastikan kecemerlangan penyelidikan berterusan melalui penerbitan enam [6] isu jurnal pada tahun 2018. Selain itu, Penerbit UniMAP juga menguruskan terbitan khas seperti buku program, poster, banting dan brosur. Jumlah keseluruhan bahan terbitan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 41 bahan terbitan.

14.1 STATISTIK KATEGORI PENERBITAN TAHUN 2017-2018

Kategori Penerbitan	2017	2018
Buku	14	13
Jurnal	8	11
Modul Pengajaran	-	2
Modul Makmal	-	-
E-Book	16	-
Lain-lain – Terbitan Khas	4	15
JUMLAH	42	41



Rajah 14.1: Bilangan Penerbitan Yang Dihasilkan Bagi Tahun 2017-2018



Rajah 14.2: Peratusan Perbandingan Penerbitan Buku dan Modul dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Bagi Tahun 2018



Rajah 14.3: Bilangan Penerbitan Buku Ilmiah Mengikut Tahun dari 2005 - 2018

14.2 SENARAI BUKU YANG DITERBITKAN TAHUN 2018



TRANSFORMASI USAHAWAN *AL-FALAH*: SATU REFLEKSI

Shuhairimi Abdullah, Solahuddin Abdul Hamid dan Muhammad Shukri Bakar

ISBN 978-967-0922-64-5



SIRI DIGES KEMANUSIAAN: MEMBEDAH LAUTAN HIKMAH

Shuhairimi Abdullah, Wan Nur Ashiqin Wan Ali dan Huzili Hussin

ISBN 978-967-0922-68-3



MODUL PENGAJARAN: INSTRUCTOR'S GUIDE TO LANGUAGE AND COMMUNICATIVE SKILLS

Dipima Buragohain, Mastura Sabri, Rozilawati Mahadi



A HANDY GUIDE TO EFFECTIVE THESIS WRITING

Noraini Othman,Siti Zarina Md Naziri, Nurjuliana Juhari, Syarifah Norfaezah Sabki, Norhawati Ahmad, Norina Idris, Hasnizah Aris, Norhayati Sabani, Safizan Shaari



DUNIA MELAYU: KEINTELEKTUALAN, KEPIMPINAN, KONFLIK DAN PERJUANGAN

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Muhammad Safwan Mohd A'seri dan Sivarajan Ponniah

ISBN 978-967-0922-61-4



TERAPI BERFOKUS SOLUSI: KAEDAH MENANGANI DISTRES PSIKOLOGI

Nurul Naimah Rose, Rahimi Che Aman dan Mohd Yusri Mustafa

ISBN 978-967-0922-69-0



MODUL PENGAJARAN: LEARNER'S GUIDE TO LANGUAGE AND COMMUNICATIVE SKILLS

Dipima Buragohain, Mastura Sabri, Rozilawati Mahadi



KUMPULAN CERPEN: DAN AKU MENGERTI JUGA

Nazel Hashim Mohamad

ISBN 978-967-0922-20-1



KEDUDUKAN WAKIL RAKYAT DALAM SISTEM BERPARLIMEN DI MALAYSIA

Malike Ibrahim

ISBN 978-967-0922-59-1



PENGURUSAN OPERASI: TEORI, AMALAN. PRAKTIS

Masri Azrul Nayan, Abdullah Osman, Muhammad Safizal Abdullah dan Nor Faizzah Ramlee

ISBN 978-967-0922-29-4



MEDIA DAN KHALAYAK: INTERAKTIVITI DAN IMPAK

Wan Amizah Wan Mahmud, Mohd Helmi A. Rahim dan Maizatul Haizan Mahbob

ISBN 978-967-0922-36-2



KUMPULAN CERPEN: SURAT DARI IBU KOTA

Nazel Hashim Mohamad

ISBN 978-967-0922-60-7



ASAS PEMPROSESAN DATA APLIKASI: PERISIAN *STATISTICAL PACKAGE FOR THE SOCIAL SCIENCES* (SPSS)

Abdullah Osman, Muhammad Safizal Abdullah dan Hazalina Mat Soha

ISBN 978-967-0922-22-5



DINAMIKA KOMUNIKASI: PROSES DAN KONTEKS

Mohd Helmi A Rahim, Wan Amizah Wan Mahmud dan Maizatul Haizan Mahbob

ISBN 978-967-0922-35-5



ISU-ISU MEDIA DAN PENAPISAN DI MALAYSIA

Mus Chairil Samani, Mohd Nor

Shahizan Ali dan Ali Salman

ISBN 978-967-0922-59-1

Pelancaran Penerbitan Khas 2018 Sempena Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke-13 oleh DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Canselor UniMAP.





14.3 PEMASARAN DAN PENJUALAN BAHAN TERBITAN

Hasil Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2018

Sepanjang tahun 2018, hasil jualan yang diperoleh adalah sebanyak RM 86,545.07. Penerbit UniMAP mencatatkan peningkatan hasil jualan sebanyak 43.6% berbanding RM 48,820.73 pada tahun 2017. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan jualan adalah faktor penerimaan masyarakat dan kalangan ilmuan serta pembaca terhadap kandungan naskhah yang diterbitkan.

Selain itu, Penerbit UniMAP masih lagi memfokuskan pemasaran melalui pelbagai medium seperti penyertaan ke pesta dan pameran buku di seluruh Malaysia, jualan secara atas talian (*online*) dan promosi dan pemasaran melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* serta laman web rasmi Penerbit.

Penerbit UniMAP menggunakan segala sumber teknologi yang ada termasuk memasarkan buku secara e-dagang melalui platform e-sentral, LAZADA, Shopee dan langkah-langkah meluaskan pasaran buku secara atas talian diharapkan akan membantu kepada peningkatan jualan pada tahun 2019.

Dengan pelancaran Portal e-Dagang yang disempurnakan oleh Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal pada 28 Disember 2018, dijangka dapat memberi peluang kepada orang ramai dan pasaran yang lebih meluas dari seluruh dunia untuk mendapatkan buku dari Penerbit UniMAP. Selain itu, usaha mempelbagaikan judul dan bidang penerbitan juga diharapkan akan dapat membantu melonjakkan nama serta hasil pendapatan Penerbit untuk tahun hadapan.



Rajah 14.4: Hasil Jualan Bahan Penerbitan Bagi Tahun 2018 Mengikut Bulan



Rajah 14.5: Jumlah Hasil Jualan Bahan Terbitan Bagi Tahun 2006-2018

15 • Prasarana Teknologi Maklumat dan Komunikasi



15.1 PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

Pembangunan Aplikasi/Modul Baru

Bagi memastikan universiti memanfaatkan ICT di dalam menyokong urusan pentadbiran, pengajaran dan penyelidikan, beberapa aplikasi/modul baharu telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) bersesuaian dengan keperluan semasa.

Jadual 1 : Aplikasi/Modul baru yang dibangunkan

Bil.	Nama Aplikasi / Modul	Keterangan	Pemilik Aplikasi
1.	Aplikasi Mobile Majlis Anugerah Tokoh Mahasiswa UA	Tujuan pembangunan ialah untuk menggantikan buku cenderahati program tersebut. Antara kandungan aplikasi ialah : 1) Mengenai UniMAP 2) Latarbelakang Anugerah 3) Objektif Anugerah 4) Kategori Anugerah 5) Calon-calon Anugerah 6) Aturcara Majlis	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
2.	Sistem eKlinik Panel (Pelajar Prasiswazah)	Tujuan sistem ini dibangunkan ialah untuk memberi kemudahan kepada Klinik-klinik Panel untuk menyemak kelayakan pelajar (prasiswazah) bagi tujuan mendapatkan rawatan diklinik tersebut. Buat masa ini terdapat 4 klinik swasta yang boleh menggunakan Sistem Klinik Panel (Pelajar) iaitu seperti berikut : 1) KLINIK FAIZAH 2) KLINIK KAMAL ARIFF 3) UNIMAPCARE CLINIC 4) POLIKLINIK DR AZHAR DAN RAKAN-RAKAN	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
3.	Sistem Pengurusan Kolej Kediaman (HOMES)	Penambahbaikan HOMES - Modul Prapendaftaran : 1) Bahagian Pelajar (Melalui OSI) a. Tempahan Bilik Kolej Kediaman b. Kemaskini Tempahan Bilik Kolej Kediaman c. Semakan Keputusan Tempahan Bilik Kolej 2) Bahagian Pentadbiran (Melalui HOMES) a. Set Tempoh Tempahan b. Set Kriteria Tempahan c. Set Booking ID dan Bilik d. Proses Tempahan Bilik Kolej Kediaman	Majlis Pengurusan Kolej Kediaman
4.	Academic Management Information System (AMIS)	1) Peperiksaan - • Pembangunan modul *Online HEA-06* (Borang Pengesahan Kertas Soalan Peperiksaan) • Mewujudkan *QR Code* di setiap transkrip • Pembangunan transkrip menggunakan rekabentuk transkrip yang terkini. • Diwujudkan paparan program *GAP Year* dan program mobiliti di dalam transkrip bagi pelajar yang mengikutinya. • Penambahan pilihan cetakan transkrip mengikut tahun konvokesyen dan program • Tambahan fungsi mendaftarkan kursus-kursus pengecualian unit • Pembangunan template transkrip pelajar bagi memenuhi kes pemindahan kredit bagi pelajar mobility 2) Pengurusan Program - Pembangunan *Online HEA-01(B)* (Borang Penawaran Kursus Baharu) 3) Kemasukan - • Tambahan input baru bagi fungsi pelajar mobiliti dan francais. • Fungsi semakan senarai gambar calon mengikut program pengajian. • Penambahbaikan fungsi *filtering* untuk *Internal Applicant* 4) Pendaftaran - • Tambahan fungsi penghantaran emel secara automatik kepada pihak berkaitan berkenaan perubahan status pengajian pelajar 5) Graduasi - • Tambahan fungsi untuk pilih pelajar yang layak bergraduat, tambah catatan dan versi cetakan untuk laporan graduasi A dan B	Jabatan Pendaftar
5.	Online Offer Letter	1) Penjenamaan Semula Sistem supaya lebih mesra pengguna 2) Penambahbaikan Keperluan Kad Matrik 3) Mewujudkan barcode di surat tawaran berdasarkan no rujukan surat dan kad pengenalan serta no matrik.	Jabatan Pendaftar
6.	Online Student Information (OSI)	1) Mewujudkan *pop up* status kewangan dan peringatan untuk menjelaskan hutang semasa pelajar login ke sistem OSI. Permohonan Kursus Semester Tambahan	Jabatan Pendaftar
7.	Sistem Maklumat Konvokesyen Pelajar (eConvo)	1) Cetakan surat tamat pengajian dan surat jemputan menepati surat rasmi yang sebenar. eConvo Ver2 (Responsive Template digunapakai)	Jabatan Pendaftar
8.	Online Postgraduate Application (OPA)	1) *Online Offer Letter* dikeluarkan / dipaparkan agar bakal pelajar dapat memuat turun surat tawaran tersebut secara *online* 2) Beberapa borang telah berjaya dibangunkan secara atas talian untuk fasa 1 iaitu : a. *Deferment form* b. *Extention form* c. *Withdrawal clearance form*	Pusat Pengajian Siswazah

Penyelenggaraan Sistem Aplikasi

Jumlah penyelenggaraan sistem yang memerlukan penyelenggaraan *major* direkodkan pada tahun 2018 adalah sebanyak 98 permohonan. Penyelenggaraan yang dipohon oleh pengguna sistem berkaitan termasuklah penambahan fungsi, penambahbaikan sistem, permohonan *publicweb* dan pelaporan serta perubahan disebabkan perubahan polisi atau proses kerja.



Gambarajah 15.1 : Jumlah keseluruhan penyelenggaraan tahun 2018 pecahan mengikut Jabatan

Program Penjanaan Kewangan

Pusat ICT telah mendapat beberapa projek untuk menjana kewangan Universiti.

1. **Liga Bola Sepak IPTA 2018**

   Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan Liga Bola Sepak IPTA 2018. Bermula dari proses awal iaitu terlibat dalam menganalisa keperluan sistem BOLA SEPAK bersama KPT dan UiTM, terlibat dalam mengenalpasti rekabentuk sistem yang sesuai dan melakukan penormalan pangkalan data baru. Seterusnya menulis kod aturcara bagi Sistem Bola Sepak, melakukan dokumentasi, melakukan penyelengaraan dan *backup.* Terdapat 10 Modul di dalam sistem tersebut iaitu :

   1. Modul Pendaftaran Atlet
   2. Modul Pendaftaran Pegawai
   3. Modul Laporan Statistik
   4. Modul Teknikal Sukan
   5. Modul Administrator
   6. Modul Akses
   7. Modul Pertukaran Atlet
   8. Modul Kemasukan Markah
   9. Modul pelaporan
   10. Laman Web

2. **Liga Futsal IPTA 2018**

   Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan Liga Futsal IPTA 2018. Bermula dari proses awal iaitu terlibat dalam menganalisa keperluan sistem Futsal bersama KPT dan IIUM, terlibat dalam mengenalpasti rekabentuk sistem yang sesuai dan melakukan penormalan pangkalan data baru. Seterusnya menulis kod aturcara bagi Sistem Futsal, melakukan dokumentasi, melakukan penyelengaraan dan *backup.* Terdapat 10 Modul di dalam sistem tersebut iaitu :

   1. Modul Pendaftaran Atlet
   2. Modul Pendaftaran Pegawai

3. Modul Laporan Statistik
4. Modul Teknikal Sukan
5. Modul Administrator
6. Modul Akses
7. Modul Pertukaran Atlet
8. Modul Kemasukan Markah
9. Modul pelaporan
10. Laman Web

3. SUKIPT 2018

Sistem ini dibangunkan untuk kegunaan kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2018). Bermula dari proses awal iaitu terlibat dalam menganalisa keperluan pendaftaran atlet dan pegawai, kemasukan markah, pungutan pingat dan laman web. Proses mengenalpasti rekabentuk sistem yang sesuai dan melakukan penormalan pangkalan data baru juga dilakukan. Seterusnya menulis kod aturcara bagi Sistem SUKIPT 2018, melakukan dokumentasi, melakukan penyelengaraan dan *backup*. Terdapat 9 Modul di dalam sistem tersebut iaitu :

1. Modul Pendaftaran Atlet
2. Modul Pendaftaran Pegawai
3. Modul Pendaftaran Sukarelawan
4. Modul Laporan Statistik
5. Modul Teknikal Sukan
6. Modul Kemasukan Markah
7. Modul Pungutan Pingat
8. Laman Web Rasmi
9. Mobile App

Capaian Internet Berkelajuan 2 Gbps dan Capaian Point-To-Point Berkelajuan 1 Gbps Di UniMAP

Capaian internet adalah penting untuk mana-mana organisasi melaksanakan tugas seharian mereka dengan lancar dan pantas. Begitu juga di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam, adalah penting memiliki perkhidmatan internet yang lancar untuk memastikan urusan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran universiti beroperasi dengan mantap, berkesan dan memberi impak yang setaraf dengan perkhidmatan yang disediakan.

Sebelum ini, UniMAP mempunyai capaian internet berkelajuan 1 Gbps (1000 Mbps) yang dilanggan daripada Telekom Malaysia. Setelah masa berlalu, statistik penggunaan jalur lebar internet semakin meningkat dan mencecah maksima setiap hari. Kesan jika penggunaan jalur-lebar yang maksimum berlaku di UniMAP ialah, pengguna rangkaian akan merasai capaian yang perlahan dan mengganggu operasi universiti di kampus yang kebanyakannya memerlukan capaian internet.

Menyedari bahawa statistik keperluan penggunaan jalur-lebar yang semakin meningkat oleh pelajar dan staf UniMAP, Pusat ICT UniMAP mengambil inisiatif segera pada awal 2018 untuk menaiktaraf jalur lebar & router internet sedia ada. Item yang terlibat untuk projek ini ialah:

- Internet Berkelajuan 2 Gbps di Pauh Putra (ke ISP Cyberjaya)
- *Point To Point* Berkelajuan 1 Gbps (sambungan Kubang Gajah ke Pauh Putra)
- Dua Router Berspesifikasi Tinggi (telco grade) di Bilik Telco Pusat Data Pauh Putra & Kubang Gajah
- Perkakas Sekuriti Rangkaian & Internet

Perkhidmatan tersebut telah berjaya diaktifkan pada 30hb April 2018. Perkhidmatan internet yang stabil dan lancar adalah sangat penting kepada sesebuah universiti yang kebanyakan operasi sehariannya menggunakan aplikasi atas talian dalam sistem rangkaian kampus. Pusat ICT UniMAP malaksanakan aktiviti pemantauan penggunaan jalur lebar internet agar sentiasa mencukupi demi kebaikan warga UniMAP khususnya.

Capaian Point-To-Point Berkelajuan 1 Gbps Untuk Sambungan Rangkaian Kampus UniCiti~Pauh Putra, UniMAP

UniMAP mempunyai sebuah asrama pelajar baru di mana ia terletak di Kampus UniCITI ALam SUNGAI CHUCHUH, MUKIM TITI TINGGI, PERLIS dengan keluasan 19.34 ekar tanah.Kampus ini telah dibangunkan oleh syarikat PROVEN HOLDING SDN BHD dengan konsep yang pertama dan seumpamanya di Malaysia yang menyediakan kemudahan sewaan bangunan termasuk kemudahan perabut di bilik penginapan pelajar yang mana pihak universiti tidak perlu membuat sewaan atau pembelian perabut yang tentunya akan menelan belanja yang tinggi.

Kampus UniCiti telah diduduki oleh **3,840** pelajar melalui dua fasa utama iaitu:

- Fasa pertama yang pada September 2013 dengan kapasiti 1,440 pelajar (180 unit apartmen x 8 pelajar).
- Fasa kedua pula boleh diduduki sepenuhnya pada Semester Kedua Sidang Akademik 2013/2014 dengan kapasiti 2,400 pelajar (300 unit apartmen x 8 pelajar).

Pusat ICT UniMAP telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan capaian rangkaian & internet untuk warga UniMAP di kampus tersebut. Dengan kemajuan teknologi IT yang terkini, Pusat ICT telah mengaktifkan perkhidmatan capaian rangkaian tanpa wayar (WiFi) di seluruh tingkat asrama pelajar.

Sistem rangkaian WiFi tersebut bersambung dengan perkhidmatan Point-To-Point berkelajuan 16 Mbps yang dilanggan daripada Telekom Malaysia.

Setelah masa berlalu, keperluan dan penggunaan bandwidth di UniCiti didapati semakin meningkat selari dengan kemajuan teknologi ICT dan kehendak Pengajaran & Pembelajaran universiti. Pusat ICT UniMAP telah mengambil tindakan proaktif dengan menaitaraf kelajuan Point-To-Point daripada 16 Mbps kepada 1000 Mbps (1Gbps). Bandwidth baru tersebut telah beroperasi dengan rasminya pada 31hb Oktober 2018.

Merujuk kepada lampiran graf Sistem Pemantauan Rangkaian MRTG di bawah, servis Point-To-Point UniCiti~Pauh Berkelajuan 1 Gbps telah mula beroperasi pada 31hb Oktober 2018.



Merujuk kepada lampiran graf Sistem Pemantauan Rangkaian MRTG di bawah, penggunaan bandwidth pernah mencapai lebih 300 Mbps pada 16hb November 2018.



Merujuk kepada dua gambarajah di bawah, boleh disimpulkan bahawa langganan perkhidmatan Point-To-Point Berkelajuan 1 Gbps adalah menepati dengan keperluan warga UniMAP seramai hampir **4000 orang** di Kampus UniCiti bagi menyokong aktiviti Pengajaran, Pembelajaran, Penyelidikan, dan Pentadbiran sesebuah universiti.





16 • Pembangunan Kampus





Cadangan Pelan Induk Kampus Alam Pauh Putra



Cadangan Pelan Kampus Sungai Chuchoh

16.1 PEMBANGUNAN KAMPUS ALAM PAUH PUTRA RANCANGAN MALAYSIA KE SEBELAS (RMKe-11) (PROJEK SAMBUNGAN)

Senarai Projek Pada Tahun 2018

Bil.	Senarai Projek	Kos Projek	Agensi Pelaksana	Status
1.	Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasl (ICT)	6 Juta	UniMAP	Projek Siap
2.	Reservoir	10 juta	JKR	Projek Siap
3.	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA)	5 Juta	JKR	Projek Siap
4.	Bangunan Canselori / Pendaftar & Bendahari	52 Juta	JKR	Dalam Pembinaan
5	Dewan Besar	29 Juta	JKR	Dalam Pembinaan
6.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	106 Juta	JKR	Dalam Pembinaan
7.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik		JKR	

PROJEK SIAP







PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP	MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
Universiti Malaysia Perlis Pembinaan Reservoir Bagi Bekalan Simpanan Air Kampus Utama	Resdar Engineering Sdn. Bhd.	7.3.2018	14.5.2018
	KOS PROJEK	**AGENSI PELAKSANA**	
	RM 10,000,000.00	JKR	

PROJEK SIAP







PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP	MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
Universiti Malaysia Perlis Pembinaan Bangunan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	SP Setia Resources Sdn. Bhd.	25.9.2018	30.11.2018
	KOS PROJEK	AGENSI PELAKSANA	
	RM 5,000,000.00	JKR	

PROJEK SIAP







PROJEK	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP
Bangunan Pentadbiran Pusat	MAB Engineering Sdn. Bhd.	24.12.2018
	KOS PROJEK	AGENSI PELAKSANA
	RM 6,000,000.00	UniMAP

DALAM PEMBINAAN







PROJEK	KONTRAKTOR	KEMAJUAN KERJA
Pembinaan Bangunan Pentadbiran Canselori	RNEM Engineering Sdn, Bhd.	Fizikal
	KOS PROJEK	Jadual: 65%
	RM 52,000,000.00	Sebenar: 66%

DALAM PEMBINAAN







PROJEK	KONTRAKTOR	KEMAJUAN KERJA
Pembinaan Bangunan Dewan Besar	AMNA Contruction Sdn. Bhd.	Fizikal
	KOS PROJEK	Jadual: 28%
	RM 29,000,000.00	Sebenar: 30%

DALAM PEMBINAAN







PROJEK	KONTRAKTOR	KEMAJUAN KERJA
Pembinaan PPK Bahan & PPK Sistem Elektrik	AKAS Engineering & Trading Sdn. Bhd.	Fizikal
	KOS PROJEK	Jadual: 24%
	RM 106,000,000.00	Sebenar: 14%

PROJEK-PROJEK BARU RMKe 11 *Rolling Plan 4* (RP4 2019-2020)

Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah meluluskan permohonan 3 projek baru UniMAP untuk dilaksana di dalam RMKe-11 RP4 pada tahun 2019-2020 nanti. Senarai projek-projek baru yang diluluskan ialah :-

Bil.	Senarai Projek	Kos Projek (RM)
1.	Pusat Kesihatan Universiti	12,300,000.00
2.	Pembelian Peralatan PPK Mikroelektronik	5,000,000.00
3.	Pusat Islam / Masjid	34,800,000.00
	JUMLAH	**52,100,000.00**

KESIMPULAN

Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) sentiasa komited dalam memastikan semua projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut perancangan bagi memastikan prasarana dan kemudahan akademik dapat disediakan mengikut keperluan pelanggan.

Dalam pada itu, inisiatif dan usaha dari semua pihak telah banyak membantu dalam memastikan prestasi perlaksanaan projek pembangunan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

17 • WOW UniMAP




QS STARS RATING SYSTEM 2019
5 SETARA-2017 Mature University
EXCELLENT
58
Kolaborasi UniMAP- Industri
> 103 Program Komuniti
> 17 Program Translasional
PENGIKTIRAFAN
QS UNIVERSITY RANKINGS ASIA
Kedudukan ke-201
(Tambahbaik sebanyak 20 Kedudukan)
QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS
Top 450 by subject
(Engineering & Technology)
SCORED IN 17 SUBJECTS
Computer Science & Information Systems | Chemical Engineering | Electrical & Electronic Engineering | Mechanical, Aeronautical & Manufacturing Engineering | Agriculture & Forestry | Biological Sciences | Chemistry | Environmental Sciences | Materials Science | Mathematics | Physics & Astronomy | Business & Management Studies | Economics & Econometrics | Education | Social Policy & Administration | Sports – Related Subjects | Languages |
TANGGUNGJAWAB SOSIAL
RM 1.473 M
1,435 Penerima (TAKhas), Tabung Zakat MAIPs & Tabung Dedikasi Diri
242 pelajar memenangi Anugerah Peringkat Antarabangsa & Kebangsaan
TEMPAT KETIGA KATEGORI PELAJAR ANTABANGSA DI MALAYSIA
• Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri
NAIB JOHAN & BEST MALE SPEAKER
• 1st AUAP Student English Debate Competition
1 PINGAT EMAS
• Larian Melaka Ultra Peringkat Antabangsa
PELAJAR & ALUMNI
AKADEMIK
3,623 Graduan
PhD 92
MSc 169
Sarjana Muda 2,980
Diploma 382
81% GE
48% Graduan PNGK > 3.00
86% iGOT
73 JURUTERA PROFESIONAL
106 PROFESIONAL TEKNOLOGIS
50.33 % STAF (PhD)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP
GERAN PENYELIDIKAN
Antarabangsa (5 Projek) • RM961 Ribu
Industri (9 Projek) • RM786 Ribu
Kerajaan (82 Projek) • RM6.6 Juta
Dalaman (8 Projek) • RM140 Ribu
MTUN • RM2.5 Juta
RM 11 Juta (104 Projek)
ANTARABANGSA
16 MoU
JOSAI INTERNATIONAL UNIVERSITY
PENGKOMERSILAN IP
20 PENYELIDIKAN TRANSLASI
PATENT
23 Granted
121 Pending
PENERBITAN BERIMPAK TINGGI
29 PENYELIDIK Sitasi >500
39 PENYELIDIK MUDA Umur <40 Thn & H-Index melepasi 7
27 UniMAP TOP RESEARCHERS Publications >100
3 Syarikat START-UP
Mangga Lestari Consult Sdn Bhd
SWZ Engineering Consultant Sdn Bhd
HAAS Solution Sdn Bhd

18 • Laporan Kewangan



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Perlis atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaysia Perlis dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaysia Perlis dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
4 JULAI 2019

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Kami, **Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin bin Hussin** dan **Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah bin Ahmad** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Universiti Malaysia Perlis**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **Universiti Malaysia Perlis** pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah

DATUK PROF. EMERITUS DR. KAMARUDIN BIN HUSSIN
Pengerusi

PROF. Ir. Ts. DR. R BADLISHAH BIN AHMAD
Naib Canselor

Tarikh : 28 JUN 2019

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN BERKENAAN

Saya, **Saodah binti Hassan**, No. K.P: 600430-09-5038 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Universiti Malaysia Perlis dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui }
oleh penama di atas di Kangar, Perlis }
pada 28 JUN 2019 }

BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
R 021
ROSKASUMA BT MAN @ OTHMAN
01-10-2018-31-12-2020
MALAYSIA

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

NO. 5, LRG. MELOR,
TMN. BUNGA PADMA,
01000 KANGAR, PERLIS.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	NOTA	Kumpulan		Universiti	
		2018	2017	**2018**	2017
		RM	RM	**RM**	RM
			Dinyatakan semula		
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	**568,408,061**	579,358,142	**562,300,209**	572,120,165
Hartanah pelaburan	8	**70,448,603**	70,448,603	**-**	-
Kerja-kerja dalam kemajuan	9	**42,352,378**	28,862,619	**42,975,207**	28,862,619
Pelaburan di dalam syarikat subsidiari	10	**-**	-	**5,000,000**	5,000,000
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		**681,209,042**	678,669,364	**610,275,416**	605,982,784
ASET SEMASA					
Inventori	11	**13,046**	29,189	**-**	-
Penghutang perdagangan	12	**5,403,482**	6,275,591	**3,738,720**	3,453,979
Pelbagai penghutang dan deposit	13	**3,359,535**	4,880,862	**3,098,843**	4,204,628
Wang cagaran dan prabayar	14	**3,890,036**	3,710,129	**6,004,242**	5,824,335
Pendahuluan kepada syarikat subsidiari	15	**-**	-	**2,314,751**	2,713,805
Simpanan jangka pendek	16	**181,000,000**	199,000,000	**181,000,000**	199,000,000
Tunai dan setara tunai	17	**63,367,343**	41,578,458	**62,282,954**	41,097,955
JUMLAH ASET SEMASA		**257,033,442**	255,474,229	**258,439,510**	256,294,702
JUMLAH ASET		**938,242,484**	**934,143,593**	**868,714,926**	**862,277,486**
Dibiayai oleh:					
KUMPULAN WANG MENGURUS	18	**25,793,813**	9,964,647	**25,864,677**	10,035,511
KUMPULAN WANG MENGURUS TAMBAHAN - PROJEK ICT	19	**22**	22	**22**	22
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	20	**6,232,304**	7,187,617	**6,232,304**	7,187,617
KUMPULAN WANG AMANAH	21	**40,381,424**	36,443,078	**40,381,424**	36,443,078
KUMPULAN WANG PINJAMAN	22	**160,000**	160,000	**160,000**	160,000
KUMPULAN WANG KHAS	23	**21,383,022**	20,937,983	**21,383,022**	20,937,983
KUMPULAN WANG KONSULTANSI	24	**1,727,498**	1,830,990	**1,727,498**	1,830,990
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN - (SPECIAL RESEARCH PROJECT)	25	**377**	377	**377**	377
KEUNTUNGAN TERTAHAN SYARIKAT SUBSIDIARI	27	**8,449,121**	8,117,073	**-**	-
		104,127,581	84,641,787	**95,749,324**	76,595,578
Kepentingan minoriti		**3,340**	3,449	**-**	-
JUMLAH EKUITI		**104,130,921**	84,645,236	**95,749,324**	76,595,578

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	NOTA	Kumpulan		Universiti	
		2018	2017	**2018**	2017
		RM	RM	**RM**	RM
			Dinyatakan semula		
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat pekerja jangka panjang	28	**7,602,808**	4,374,080	**7,602,808**	4,374,080
Pinjaman jangka panjang	29	**55,387,381**	57,766,378	**-**	-
Pendapatan tertunda	30	**611,704,871**	628,180,135	**611,704,871**	628,180,135
Pajakan kewangan	31	**127,148,175**	129,010,764	**127,100,986**	128,954,472
Cukai tertunda		**436,946**	436,160	**-**	-
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		**802,280,181**	819,767,517	**746,408,665**	761,508,687
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang perdagangan	32	**3,309,436**	4,146,148	**1,858,835**	1,978,114
Pelbagai pemiutang dan akruan	33	**16,982,160**	17,301,975	**15,985,295**	16,137,318
Cagaran dan pertaruhan	34	**6,439,035**	4,038,313	**6,439,035**	4,038,313
Biasiswa/dermasiswa	35	**469,098**	556,695	**469,098**	556,695
Jumlah terhutang kepada subsidiari	36	**-**	-	**83,494**	154,837
Pinjaman berjangka	29	**2,869,593**	2,312,090	**-**	-
Pajakan kewangan	31	**1,457,598**	1,259,987	**1,448,500**	1,251,476
Manfaat pekerja jangka pendek	28	**272,680**	56,468	**272,680**	56,468
Peruntukan cukai		**31,782**	59,164	**-**	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		**31,831,382**	29,730,840	**26,556,937**	24,173,221
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		**938,242,484**	**934,143,593**	**868,714,926**	**862,277,486**

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	Kumpulan		Universiti	
		2018	2017	**2018**	2017
		RM	RM	**RM**	RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus		**237,043,800**	207,538,592	**237,043,800**	**207,538,592**
Terimaan Kumpulan Wang Khas		**4,727,235**	4,494,229	**4,727,235**	**4,494,229**
Terimaan Kumpulan Wang Konsultansi		**504,249**	595,069	**504,249**	**595,069**
Terimaan Kumpulan Wang Penyelidikan		**75,101**	-	**75,101**	**-**
Terimaan Kumpulan Wang Amanah		**8,769**	8,143	**8,769**	**8,143**
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	37	**53,483,021**	43,805,051	**53,483,021**	**43,805,051**
Pelunasan Geran Penyelidikan		**5,478,021**	8,755,333	**5,478,021**	**8,755,333**
Pelunasan Geran NBOS		**2,898,137**	1,721,476	**2,898,137**	**1,721,476**
Yuran pengajian dan Yuran lain	38	**39,540,438**	41,084,497	**39,540,438**	**41,084,497**
Jualan barangan dan perkhidmatan		**6,198,818**	5,213,874	**62,800**	**59,050**
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan		**-**	9,272	**-**	**9,272**
Sewa		**1,404,367**	963,738	**1,153,464**	**695,229**
Faedah		**9,664,227**	10,617,879	**9,662,927**	**10,450,139**
Lain-lain pendapatan	39	**1,629,624**	2,925,278	**1,502,898**	**1,285,013**
		362,655,807	327,732,431	**356,140,860**	320,501,093
PERBELANJAAN					
Emolumen		**141,216,705**	**135,146,348**	**139,435,189**	**132,782,791**
Perkhidmatan dan bekalan		**126,637,955**	**133,731,254**	**127,762,809**	**135,474,843**
Pembelian harta modal		**3,730,279**	**3,740,088**	**3,730,279**	**3,740,088**
Pemberian dan kenaan bayaran tetap		**7,056,423**	**8,932,390**	**7,056,423**	**8,689,513**
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan		**18,980**	**-**	**8,435**	**-**
Susutnilai		**31,497,656**	**31,887,533**	**30,282,565**	**30,757,090**
Peruntukan hutang ragu		**452,864**	**149,862**	**387,617**	**143,034**
Peruntukan manfaat persaraan kakitangan		**3,444,939**	**561,940**	**3,444,939**	**561,940**
Lain-lain perbelanjaan		**6,371,969**	**7,741,091**	**5,815,880**	**7,690,417**
Kos Kewangan		**22,288,317**	**14,150,924**	**19,062,978**	**11,215,436**
		342,716,087	336,041,430	**336,987,114**	331,055,152
Lebihan/(Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai		**19,939,720**	(8,308,999)	**19,153,746**	(10,554,059)
Cukai	40	**(454,037)**	385,877	**-**	-
Kepentingan minoriti		**111**	(301)	**-**	-
Lebihan/(Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan untuk tahun		**19,485,794**	(7,923,423)	**19,153,746**	(10,554,059)

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG PADA 31 DISEMBER 2018

KUMPULAN	Nota	KUMPULAN WANG MENGURUS	KUMPULAN WANG MENGURUS ICT	KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	KUMPULAN WANG AMANAH	KUMPULAN WANG PINJAMAN	KUMPULAN WANG KHAS	KUMPULAN WANG KONSULTANSI	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (SRP)	KEUNTUNGAN TERTAHAN SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Jan 2018		9,964,647	22	7,187,617	36,443,078	160,000	20,937,983	1,830,990	377	8,117,073	84,641,787
Lebihan/(Kurangan) bersih bagi tahun		16,567,624	-	(995,313)	4,497,902	-	(1,145,520)	229,053	-	332,048	19,485,794
Pindahan		(738,458)	-	40,000	(559,556)	-	1,590,559	(332,545)	-	-	-
											-
Baki pada 31 Dis 2018		**25,793,813**	**22**	**6,232,304**	**40,381,424**	**160,000**	**21,383,022**	**1,727,498**	**377**	**8,449,121**	**104,127,581**
Baki pada 1 Jan 2017		10,169,083	430,804	8,884,292	40,958,747	160,000	24,672,941	1,837,568	36,202	5,486,437	92,636,074
Lebihan/(Kurangan) bersih bagi tahun		1,201,330	-	(2,753,463)	(4,414,486)	-	(4,640,025)	88,410	(35,825)	2,630,636	(7,923,423)
Pindahan		(1,334,902)	(430,782)	1,056,788	(101,183)	-	905,067	(94,988)	-	-	-
Pelarasan tahun terdahulu	41	(70,864)	-	-	-	-	-	-	-	-	(70,864)
Baki pada 31 Dis 2017		**9,964,647**	**22**	**7,187,617**	**36,443,078**	**160,000**	**20,937,983**	**1,830,990**	**377**	**8,117,073**	**84,641,787**

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG PADA 31 DISEMBER 2018

UNIVERSITI	KUMPULAN WANG MENGURUS	KUMPULAN WANG MENGURUS ICT	KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	KUMPULAN WANG AMANAH	KUMPULAN WANG PINJAMAN	KUMPULAN WANG KHAS	KUMPULAN WANG KONSULTANSI	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (SRP)	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Jan 2018	10,035,511	22	7,187,617	36,443,078	160,000	20,937,983	1,830,990	377	76,595,578
Lebihan/(Kurangan) bersih bagi tahun	16,567,624	-	(995,313)	4,497,902	-	(1,145,520)	229,053	-	19,153,746
Pindahan	(738,458)	-	40,000	(559,556)	-	1,590,559	(332,545)	-	-
Baki pada 31 Dis 2018	**25,864,677**	**22**	**6,232,304**	**40,381,424**	**160,000**	**21,383,022**	**1,727,498**	**377**	**95,749,324**
Baki pada 1 Jan 2017	10,169,083	430,804	8,884,292	40,958,747	160,000	24,672,941	1,837,568	36,202	87,149,637
Lebihan/(Kurangan) bersih bagi tahun	1,201,330	-	(2,753,463)	(4,414,486)	-	(4,640,025)	88,410	(35,825)	(10,554,059)
Pindahan	(1,334,902)	(430,782)	1,056,788	(101,183)	-	905,067	(94,988)	-	-
Baki pada 31 Dis 2017	**10,035,511**	**22**	**7,187,617**	**36,443,078**	**160,000**	**20,937,983**	**1,830,990**	**377**	**76,595,578**

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Kumpulan		Universiti	
	2018	2017	**2018**	2017
	RM	RM	**RM**	RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Perniagaan				
Lebihan/(Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	**19,939,720**	(8,308,999)	**19,153,746**	(10,554,059)
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana tunai:-				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	**31,497,656**	31,887,533	**30,282,565**	30,757,090
Peruntukan hutang ragu	**452,864**	149,862	**387,617**	143,034
Peruntukan manfaat pekerja	**3,598,918**	569,449	**3,598,918**	569,449
Kerugian/(Keuntungan) atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**18,580**	(9,272)	**8,035**	(9,272)
Faedah diterima	**(9,664,227)**	(10,617,879)	**(9,662,927)**	(10,450,139)
Pelunasan geran kerajaan	**(61,859,179)**	(54,281,860)	**(61,859,179)**	(54,281,860)
Keuntungan atas perubahan nilai saksama hartanah pelaburan	**-**	(1,800,543)	**-**	-
Aliran tunai keluar dari operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	**(16,015,668)**	(42,411,709)	**(18,091,225)**	(43,825,757)
Pengurangan/(Pertambahan) dalam inventori	**16,143**	(2,207)	**-**	-
Pengurangan/(Pertambahan) dalam penghutang perdagangan	**502,904**	(1,914,221)	**(611,025)**	(915,221)
Pengurangan dalam pelbagai penghutang dan deposit	**1,437,667**	2,545,099	**1,044,452**	2,973,748
(Pertambahan)/Pengurangan dalam wang cagaran dan prabayar	**(179,907)**	432,422	**(179,907)**	432,422
Pengurangan dalam pendahuluan kepada syarikat subsidiari	**-**	-	**399,054**	7,391,816
(Pengurangan)/Pertambahan dalam pemiutang perdagangan	**(836,712)**	1,582,899	**(119,279)**	149,560
Pengurangan dalam pelbagai pemiutang dan akruan	**(319,815)**	(7,777,080)	**(152,023)**	(2,169,700)
Pertambahan dalam cagaran dan pertaruhan	**2,400,722**	1,565,348	**2,400,722**	1,565,348
(Pengurangan) dalam biasiswa/dermasiswa	**(87,597)**	(152,633)	**(87,597)**	(152,633)
(Pengurangan)/Pertambahan dalam jumlah terhutang kepada subsidiari	**-**	-	**(71,343)**	19,376
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti perniagaan	**(13,082,263)**	(46,132,082)	**(15,468,171)**	(34,531,041)
Tolak:				
Pembayaran cukai	**(480,631)**	(497,477)	**-**	-
Pembayaran manfaat pekerja	**(153,978)**	(7,509)	**(153,978)**	(7,509)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti perniagaan	**(13,716,872)**	(46,637,068)	**(15,622,149)**	(34,538,550)

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Kumpulan		Universiti	
	2018	2017	**2018**	2017
	RM	RM	**RM**	RM
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan				
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	**(20,980,622)**	(16,563,828)	**(20,882,346)**	(15,424,111)
Hasil jualan aset tetap	**4,747**	101,438	**1,982**	101,438
Pengurangan/(Pertambahan) simpanan jangka pendek	**18,000,000**	(29,000,000)	**18,000,000**	(29,000,000)
Pertambahan dalam hartanah pelaburan	**-**	(1,529,960)	**-**	-
Pertambahan kerja dalam kemajuan	**(13,489,759)**	(20,254,732)	**(14,112,588)**	(20,254,732)
Pertambahan pelaburan dalam syarikat subsidiari	**-**	-	**-**	(3,999,999)
Faedah diterima	**9,664,227**	10,617,879	**9,662,927**	10,450,139
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(6,801,407)**	(56,629,203)	**(7,330,025)**	(58,127,265)
Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan				
Terimaan pendapatan tertunda	**45,383,915**	24,737,680	**45,383,915**	24,737,680
Terimaan pajakan kewangan	**-**	64,803	**-**	-
Bayaran pajakan kewangan	**(1,255,257)**	(649,922)	**(1,246,742)**	(649,922)
Terimaan pinjaman jangka panjang	**176,902**	7,962,903	**-**	-
Pembayaran pinjaman jangka panjang	**(1,998,396)**	(1,514,765)	**-**	-
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	**42,307,164**	30,600,699	**44,137,173**	24,087,758
Pengurangan Bersih dalam Tunai dan Setara Tunai	**21,788,885**	**(72,665,572)**	**21,184,999**	**(68,578,057)**
Tunai dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	**41,578,458**	114,244,030	**41,097,955**	109,676,012
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun (Nota 17)	**63,367,343**	41,578,458	**62,282,954**	41,097,955

Nota-nota berikutnya adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

1. UMUM

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS adalah sebuah Universiti yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan bertujuan bagi melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong Pelan Perindustrian Negara, selain memberi alternatif bagi pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis memandangkan pendekatannya yang mengintegrasikan gunaan dan kemahiran melalui:

a) **Pengurusan dan Pembangunan Akademik**
Meliputi aktiviti pengajaran, penerbitan, pengambilan pelajar, peperiksaan dan pengijazahan.

b) **Pentadbiran dan Pengurusan Kakitangan**
Meliputi aktiviti Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan dan Aktiviti Pelajar serta Komunikasi Korporat.

c) **Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi**
Meliputi kendalian Teknologi Maklumat dan kemudahan fizikal.

Penyata kewangan Universiti dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 28 Jun 2019.

2. LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kampus Universiti adalah sebuah kampus yang bersifat bertaburan (distributed). Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi-lokasi berikut :

(a) Kampus Kangar, Perlis
(b) Kampus Jejawi, Perlis
(c) Kampus Kuala Perlis, Perlis
(d) Kampus Kubang Gajah, Perlis
(e) Kolej Kediaman Wang Ulu, Perlis
(f) Kampus Ulu Pauh, Perlis
(g) Kampus Sungai Chuchoh, Perlis
(h) Anjung UniMAP, Kuala Lumpur
(i) Anjung UniMAP, Kulim, Kedah

3. PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan disatukan dan penyata kewangan Universiti telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board - MASB).

4. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan disatukan dan penyata kewangan berasingan Universiti telah disediakan dengan menggunakan asas kos (termasuk kos sejarah, kos dilunaskan, dan kos lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih) dan asas nilai saksama (termasuk asas nilai saksama dan asas nilai saksama ditolak kos jualan).

Pihak pengurusan telah menggunakan anggaran dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan dan amaun hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Pertimbangan dan andaian digunakan dalam proses pengukuran, dan dengan itu, keputusan sebenar mungkin kurang bertepatan dengan jumlah yang dilaporkan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidaktentuan anggaran penting dinyatakan dalam Nota 6.

5. POLISI PERAKAUNAN

5.1 Asas Penggabungan dan Penyatuan

(a) Asas Penggabungan

Penggabungan perniagaan diakaunkan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos penggabungan perniagaan diukur pada agregat nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, ke atas jumlah aset-aset diambilalih, liabiliti-liabiliti yang ditanggung atau diandaikan dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan sebagai pertukaran kawalan subsidiari yang diambilalih. Kos langsung yang dibelanjakan yang berkait dengan penggabungan dipermodalkan ke dalam kos penggabungan.

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan mengiktiraf, secara berasingan daripada muhibah, aset-aset diambilalih yang boleh dikenalpasti (termasuk aset tidak ketara yang boleh dikenalpasti), liabiliti-liabiliti diandaikan (termasuk liabiliti kontigensi) dan sebarang kepentingan kawalan di dalam subsidiari. Aset-aset diambilalih dan liabiliti-liabiliti diandaikan yang boleh dikenalpasti diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, kecuali selain yang dibenarkan atau dikehendaki untuk diukur pada asas lain oleh MPERS. Kepentingan bukan kawalan pada tarikh pengambilalihan diukur pada perkongsian aset bersih, tidak termasuk muhibah. Kos penggabungan dibandingkan dengan bahagian aset bersih diambilah untuk menentukan jumlah permulaan muhibah atas penggabungan.

(b) Subsidiari dan Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Universiti dan kesemua subsidiari-subsidiari Universiti. Subsidiari-subsidiari Universiti adalah entiti-entiti dikawal oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Universiti pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Keuntungan dan perbelanjaan subsidiari Universiti disertakan dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh dimana Kumpulan terhenti mengawal subsidiari. Apabila Kumpulan terhenti mengawal sebuah subsidiari, sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan subsidiari dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, diiktiraf ke dalam penyata pendapatan disatukan sebagai keuntungan atau kerugian pada pelupusan subsidiari.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

Kepentingan bukan kawalan dibentangkan sebagai ekuiti di dalam penyata kedudukan kewangan disatukan, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diagihkan kepada Kumpulan. Kepentingan bukan kawalan juga didedahkan secara berasingan di dalam penyata pendapatan disatukan.

Semua baki, urusniaga di antara kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

5.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Aset ketara operasi yang sedang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan di dalam pengeluaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan, untuk kegunaan pentadbiran atau untuk disewa kepada pihak lain, diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai hak kawalan ke atas aset tersebut. Ini termasuk aset yang dibina dan diperolehi untuk tujuan perlindungan alam sekitar dan hartanah pelaburan yang diukur menggunakan model kos. Aset-aset tersebut, termasuk alat ganti utama, peralatan sedia ganti dan peralatan servis, dikelaskan kepada kelas yang sesuai berdasarkan kepada sifatnya. Sebarang penggantian komponen penting dalam aset yang sedia ada dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset tersebut dan komponen yang lama dinyahiktiraf.

Kos sesuatu item bagi Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Universiti, kos item tersebut boleh diukur dengan tepat dan berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap item.

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan pada permulaannya akan dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga belian dicampur semua kos langsung terlibat yang dibelanjakan bagi membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan sedia untuk digunakan oleh pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan pemasangan semula dan pemeriksaan semula) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman yang dijana. Bagi pertukaran aset bukan kewangan yang mempunyai nilai komersial, kos diukur dengan merujuk kepada nilai saksama aset yang diterima. Bagi aset yang dipindahkan daripada pelanggan atau penderma secara percuma, kos diukur dengan merujuk kepada nilai saksama aset tersebut. Walaubagaimanapun, pengecualian diberikan kepada tanah yang diperolehi secara percuma oleh Universiti untuk tujuan wakaf. Ini kerana tanah tersebut tidak boleh dipindahmilik dan oleh itu penggunaan nilai harga pasaran tidak memberi apa-apa kesan kepada pelaporan penyata kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, semua Hartanah, Loji dan Peralatan diukur pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan lain disusutnilai dengan memperuntukkan jumlah yang boleh disusutnilai sesuatu komponen penting atau item ke atas baki hayat bergunanya.

Susutnilai diperuntukkan mengikut asas garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaannya, pada kadar tahunan seperti berikut:

Tanah pajakan	99 tahun
Bangunan	2%
Kemudahan Infrastruktur	20%
Kenderaan	20%
Alatan	20%
Perabot dan Kelengkapan	20%

Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan yang dibiayai oleh Kumpulan Wang mengurus dicajkan kepada Kumpulan Wang tersebut. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan yang diperolehi melalui Kumpulan-Kumpulan Wang yang lain dikenakan kepada Kumpulan Wang masing-masing.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susutnilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan disemak semula untuk kewajaran. Sebarang perubahan dalam anggaran item dilaraskan secara prospektif ke atas baki jangka hayat yang tinggal, bermula dalam tempoh semasa.

Semasa pelupusan sesuatu Hartanah, Loji dan Peralatan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

5.3 Tunai dan persamaan tunai

Tunai dan persamaan tunai merangkumi tunai di tangan dan di bank, simpanan semasa dan pelaburan-pelaburan jangka pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai dinyatakan selepas ditolak deposit yang dicagarkan.

5.4 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan Kumpulan adalah tanah, bangunan atau kedua-duanya yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya. Hartanah pelaburan diukur pada kos sewaktu pengiktirafan awal.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan Kumpulan diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, hanya jika nilai saksama item hartanah pelaburan tersebut boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Sebarang perubahan dalam nilai saksama diiktiraf ke dalam keuntungan atau kerugian mengikut tempoh perubahan nilai saksama tersebut berlaku.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama sesuatu hartanah pelaburan Kumpulan tidak lagi boleh diperolehi tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, ia diambil kira sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS selepas itu. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

5.5 **Kerja Dalam Kemajuan**

Kerja dalam kemajuan meliputi kerja-kerja pembinaan bangunan yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

Kos pembinaan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan yang berkenaan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada Hartanah, Loji dan Peralatan berkenaan dalam tahun berkenaan.

5.6 **Inventori**

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai bersih boleh direalisasi (nilai ini diwakili oleh anggaran harga jualan tolak kos-kos pemasaran dan jualan). Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori ditentukan dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

5.7 **Peruntukan Hutang Ragu**

Elaun hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenalpasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama yang berusia melebihi satu tahun dan belum dapat dipungut.

5.8 **Instrumen kewangan**

(a) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Kumpulan dan Universiti mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) di dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, ia menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama (yang secara umumnya harga transaksi), ditambah kos urusniaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen-instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urusniaga dibelanjakan ke ke dalam untung atau rugi apabila ianya ditanggung. Bagi pinjaman dan pendahuluan antara kumpulan, dan perjanjian kontrak yang lain, yang melibatkan transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa bayaran-bayaran masa depan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran bagi instrumen hutang yang sama.

(b) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila Kumpulan dan Universiti memindahkan hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut, termasuk keadaan apabila Kumpulan dan Universiti bertindak hanya sebagai ejen pengumpul kepada penerima pindahan, dan kekal tiada risiko dan ganjaran pemilikan signifikan ke atas aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan ke atas aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dihapuskan secara sah, sama ada apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Pindaan ketara terma-terma ke atas liabiliti kewangan sedia ada akan dikira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan ini, Kumpulan dan Universiti menganggap pindaan sebagai ketara sekiranya nilai semasa aliran tunai disemak semula dari terma-terma yang dipinda didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal, berbeza sebanyak 10% atau lebih apabila dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti asal.

(c) Pengukuran selepas pengiktirafan awal bagi Aset Kewangan

Bagi tujuan pengukuran selepas pengiktirafan awal, Kumpulan dan Universiti mengklasifikasikan aset kewangannya kepada dua kategori, iaitu: (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, dan (ii) Aset kewangan pada kos dilunaskan.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam saham keutamaan dan saham biasa diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika boleh diperolehi, atau sebaliknya melalui teknik penilaian, tanpa pengurangan ke atas kos urusniaga yang perlu ditanggung semasa jualan atau pelupusan lain.

Pelaburan dalam instrumen-instrumen hutang, sama ada diniagakan atau tidak diniagakan, diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak diniagakan dan yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan yang lain adalah tertakluk kepada kajian semula untuk kemerosotan nilai.

(d) Pengukuran selepas pengiktirafan awal bagi Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan akan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

(e) Pengukuran Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran diniagakan dalam pasaran aktif, dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, maka ia akan diukur dengan teknik penilaian menggunakan andaian yang munasabah dan boleh disokong.

(f) Pengiktirafan Keuntungan dan Kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan dikelaskan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf ke dalam untung atau rugi apabila ia timbul.

Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan, keuntungan dan kerugian diiktiraf ke dalam untung atau rugi hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen berkenaan.

(g) Kemerosotan Nilai dan Aset Kewangan yang tidak dapat dikutip semula

Kumpulan dan Universiti menggunakan model kerugian ditanggung untuk mengiktiraf kerugian kemerosotan aset kewangan. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mungkin terjejas. Bukti-bukti petunjuk kejadian kerugian termasuklah: (i) kesukaran signifikan daripada penerbit atau penanggung obligasi; (ii) pelanggaran kontrak, seperti kemungkiran atau kegagalan pembayaran faedah atau prinsipal; (iii) Pemberian pengecualian konsessi kepada pelanggan; (iv) kemungkinan bahawa pelanggan akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang boleh dipantau yang menunjukkan bahawa mungkin ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada sekumpulan aset kewangan.

Bagi pinjaman bukan semasa dan penghutang dibawa pada kos terlunas, anggaran aliran tunai disemak didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal. Sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf ke dalam untung atau rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun elaun kerugian. Sebarang penurunan dalam kerugian kemerosotan nilai aset kewangan dalam tempoh berikutnya akan diterbalikkan ke dalam untung atau rugi dengan pelarasan sepadan kepada akaun elaun kerugian, tertakluk kepada had di mana pembalikan tersebut tidak boleh menyebabkan nilai bawaan yang disemak semula bagi sesuatu aset kewangan melebihi nilai yang telah ditentukan jika sekiranya tiada kerugian kemerosotan yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya.

Bagi penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang jangka pendek, di mana kesan diskaun adalah tidak material, kerugian kemerosotan diuji bagi setiap penghutang secara individu di mana terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Penghutang-penghutang individu yang signifikan di mana tiada kerugian rosotnilai dikitiraf, dikumpulkan bersama dengan penghutang-penghutang lain mengikut kelas-kelas berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan tempoh pengumuran yang lalu. Elaun kolektif dianggarkan untuk kelas kumpulan berdasarkan pengalaman Kumpulan dan Universiti ke atas nisbah kerugian untuk setiap kelas, dengan mengambil kira situasi pasaran semasa.

Bagi pelaburan ekuiti tidak diniagakan yang diukur pada kos ditolak jumlah kemerosotan nilai, rosotnilai adalah perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran terbaik jumlah (mungkin menjadi sifar) jangkaan yang akan diterima oleh Kumpulan dan Universiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Kumpulan dan Universiti boleh menganggarkan jumlah boleh dikutip semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

5.9 Aset Cukai dan Liabiliti Cukai

Universiti Malaysia Perlis adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, bahagian 1, Akta Cukai Pendapatan 1967, kecuali bagi pendapatan dividen.

Cukai bagi tempoh semasa dan terdahulu, yang tidak berbayar, diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Jika jumlah yang telah dibayar pada tempoh semasa dan terdahulu melebihi amaun yang kena dibayar bagi tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa. Liabiliti cukai semasa (aset) diukur pada amaun dijangka akan dibayar (dikutip semula) dengan menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh laporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara yang boleh dicukai, kecuali liabiliti cukai tertunda timbul daripada: (a) pengiktirafan awal muhibah; atau (b) pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh cukai (atau kerugian cukai). Pengecualian perbezaan pengiktirafan awal termasuklah item Hartanah, Loji dan Peralatan yang tidak layak mendapat elaun modal dan aset tidak ketara diperolehi yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangkakan dapat mengurangkan keuntungan cukai pada masa depan, kecuali aset cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak memberikan kesan ke atas keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh cukai (atau kerugian cukai). Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuklah geran tanpa cukai kerajaan yang diterima dan elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan Hartanah, Loji dan Peralatan yang layak.

Cukai tertunda diukur menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang akhir tempoh laporan. Pengukuran cukai tertunda mencerminkan akibat cukai yang akan diikuti mengikut cara di mana Kumpulan dan Universiti itu menjangkakan pada akhir tempoh laporan ini, untuk mendapatkan atau menyelesaikan nilai bawaan aset atau liabilitinya. Bagi hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama, Kumpulan dan Universiti tidak mempunyai model perniagaan untuk memegang harta itu semata-mata untuk pendapatan sewa, dan dengan itu, liabiliti cukai tertunda ke atas keuntungan nilai saksama diukur berdasarkan kepada anggapan bahawa hartanah tersebut pulih kembali melalui penjualan pada akhir tempoh pelaporan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, jumlah nilai bawaan aset cukai tertunda dikaji semula dan dikurangkan kepada tahap tiada lagi kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan manfaat sebahagian atau semua aset cukai tertunda boleh digunakan. Sebarang pengurangan demikian akan diterbalikkan setakat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi tersedia.

Cukai semasa atau cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh berkaitan. Bagi sesuatu item yang diiktiraf secara langsung ke dalam ekuiti, kesan cukai berkaitan juga diiktiraf secara langsung ke dalam ekuiti.

5.10 **Manfaat Pekerja**

Kumpulan dan Universiti mengiktiraf tanggungan apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa hadapan, dan sebagai perbelanjaan apabila Kumpulan dan Universiti menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

(a) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Gaji dan upah diakru dan dibayar pada asas bulanan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan, kecuali ia berkaitan dengan kos menghasilkan inventori atau aset lain.

(b) Manfaat Selepas Tamat Perkhidmatan

i) Pelan Sumbangan Tetap

Kumpulan dan Universiti membuat caruman berkanun kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan dan sumbangan yang dibuat dicaj kepada untung atau rugi dalam tempoh yang berkaitan. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan Universiti tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

ii) Pelan Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Kumpulan dan Universiti mengiktiraf secara akruan pampasan terkumpul cuti rehat pekerja yang layak sepanjang tempoh perkhidmatan. Nilai pampasan diukur pada nilai semasa bayaran-bayaran masa depan didiskaunkan pada kadar faedah pembiayaan kerajaan.

Apabila terdapat pembayaran di dalam tahun semasa, jumlah pembayaran tersebut akan didebitkan dari akaun pelan manfaat jangka panjang.

5.11 Geran Kerajaan dan Pendapatan Tertunda

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf sebagai pendapatan apabila perolehan geran diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran kerajaan (termasuk geran pembangunan dan penyelidikan) diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diakaunkan sebagai pendapatan tertunda di dalam liabiliti bukan semasa. Bagi geran untuk pembelian aset tetap ia akan diiktiraf ke dalam untung rugi berdasarkan asas garis lurus ke atas hayat berguna aset yang berkenaan. Manakala geran yang bukan untuk pembelian aset tetap ia akan diiktiraf di dalam penyata untung rugi apabila geran tersebut telah dibelanjakan mengikut kriteria penggunaan geran yang ditetapkan.

5.12 Peruntukan

Kumpulan dan Universiti mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan, jika aliran keluar manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut tidak dapat dipastikan masa dan nilainya.

Peruntukan untuk kos jaminan, kos pemasangan semula, kos penstrukturan semula, kontrak yang membebankan atau tuntutan mahkamah diiktiraf apabila Kumpulan dan Universiti mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lalu, dan terdapat kemungkinan aliran keluar sumber bagi tujuan penyelesaian dan anggaran jumlah yang munasabah boleh dibuat. Tiada peruntukan diiktiraf sekiranya syarat-syarat ini tidak dipenuhi. Sebarang pembayaran semula daripada pihak setara (seperti penanggung insuran) yang berkait dengan peruntukan yang diiktiraf, tidak ditolak daripada peruntukan tersebut tetapi diiktiraf secara berasingan sebagai aset, apabila dan hanya apabila pembayaran semula dipastikan.

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada akhir tempoh pelaporan. Untuk peruntukan jaminan, kebarangkalian

keputusan berwajaran yang dijangka sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi digunakan, dengan mengambil kira pengalaman Kumpulan dan Universiti dalam urusniaga yang sama dan disokong dengan fakta dan keadaan semasa. Bagi peruntukan pemasangan semula, di mana obligasi tunggal yang diukur, Kumpulan dan Universiti menggunakan keputusan individu yang paling mungkin sebagai anggaran terbaik bagi liabiliti dengan merujuk kepada harga semasa yang yang akan dikenakan oleh kontraktor untuk melaksanakan kewajipan itu, dan mengambil kira peristiwa masa depan yang mungkin boleh menjejaskan jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Bagi kontrak yang bermasalah, peruntukan diukur berdasarkan jumlah di mana kos untuk memenuhi kontrak melebihi manfaatnya. Bagi peruntukan tuntutan mahkamah, kebarangkalian keputusan berwajaran yang dijangka digunakan dalam pengukuran, dengan mengambil kira penghakiman mahkamah masa lalu yang dibuat ke atas kes-kes yang sama dan nasihat daripada pakar-pakar perundangan.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut menggunakan kadar diskaun yang mencerminkan nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

5.13 **Pengiktirafan Pendapatan dan Pengukuran**

1) Pemberian kerajaan untuk belanja mengurus dan pemberian yang tidak mempunyai kriteria-kretaria yang khusus akan diakaunkan atas asas akruan dan diiktiraf ke dalam penyata untung rugi di dalam tahun semasa apabila ia telah diperuntukan termasuk amaun yang belum diterima.

2) Pemberian kerajaan untuk geran pembangunan diakaunkan atas akruan dan diakaunkan sebagai pendapatan tertunda apabila ianya telah diperuntukan oleh kerajaan. Bagi geran yang digunakan untuk pembelian aset tetap pengiktirafan pendapatan ke dalam penyata pendapatan berasaskan kaedah garis lurus mengikut hayat kegunaan aset-aset tersebut.

3) Lain-lain pemberian kerajaan termasuk geran penyelidikan dan geran-geran yang khusus dan mempunyai kriteria-kriteria penggunaan yang tertentu, akan diakaunkan ke dalam pendapatan tertunda apabila geran tersebut diterima dan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam penyata pendapatan di dalam tahun di mana ianya telah dibelanjakan.

4) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akruan.

5) Pendapatan daripada perkhidmatan dan perundingan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.

6) Pendapatan sewa diiktiraf atas asas akruan.

7) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.

8) Pendapatan daripada kontrak pembinaan, penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan kerja.

9) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.

10) Pendapatan faedah diiktiraf atas asas akruan.

5.14 Pengukuran Nilai Saksama

